

Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR

AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2024

FAKULTI SAINS SUKAN DAN REKREASI
PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

KETUA PTJ :

KETUA UNIT KUALITI :

PENYELARAS :

SITI FADHILAH BINTI ABDUL HAMID

PENULIS :

1. SITI FADHILAH BINTI ABDUL HAMID
2. ZARINA BINTI ZAINAL ABIDIN

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Barisan kepimpinan yang berwibawa dan berkualiti adalah kunci utama kepada kejayaan organisasi. Kepimpinan FSR yang efektif dan efisien dapat merealisasikan objektif, visi, dan misi yang telah ditetapkan sekaligus menghasilkan prestasi kerja yang cemerlang. Oleh itu, kepimpinan yang mampan mampu memimpin dan mendorong warga FSR bekerja ke arah pencapaian matlamat utama FSR selaras dengan visi dan misi utama UiTM untuk menjadikan UiTM sebagai Universiti Terkemuka di Peringkat Global menjelang tahun 2025 (GRU 2025). Perancangan strategik 2021-2025 adalah asas utama yang digunakan oleh kepimpinan FSR untuk merancang aktiviti dan program akademik yang mensasarkan kecemerlangan proses PdP di FSR. Barisan kepimpinan FSR ditadbir oleh Dekan iaitu Profesor Dr. Mohad Anizu bin Mohd Nor (sehingga 31 Mei 2023) dan diterajui oleh Profesor Madya Dr Raja Mohammed Firhad Bin Raja Azidin (1 Jun 2023) dan dibantu oleh Timbalan Dekan Akademik (HEA), Timbalan Dekan Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI) dan Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar (HEP). Kepimpinan FSR sentiasa merancang proses PdP FSR selari dengan dasar Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, dasar perancangan strategik UiTM dan juga Fakulti bagi memastikan FSR melahirkan graduan yang holistik dan proaktif. Kaedah PDCA, Merancang (Plan), Melaksanakan (Do), Memantau (Check) dan Tindakan penambahbaikan (Action) digunakan dalam meningkatkan prestasi FSR secara menyeluruh dan berterusan. Tindakan pertama yang dilaksanakan oleh kepimpinan FSR adalah dengan menghasilkan pelan perancangan strategik fakulti bersama Dekan, Timbalan Dekan, Ketua Pusat Pengajian, Koordinator dan Penyelaras Perancangan Strategik fakulti didalam bengkel yang diadakan pada awal tahun.

Pelan pelaksanaan PdP di FSR adalah berlandaskan visi, misi dan objektif kualiti FSR. Hubungan kolaborasi bersama pemegang taruh (pelajar, staf, alumni dan agensi luar) ditekankan bagi memastikan ketampakan FSR diperingkat global. Penglibatan alumni FSR dalam penyampaian PdP, pembangunan dan pemantauan program di FSR. Pihak kepimpinan FSR juga menitikberatkan kaedah pengajaran para pensyarah dengan memberi galakan dan pembiayaan penglibatan para pensyarah dalam pelbagai pertandingan inovasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa supaya proses PdP dapat dijalankan secara interaktif dan kreatif.

Kepimpinan FSR terutama Timbalan Dekan Akademik menitikberatkan proses pemantauan PdP di FSR. Komunikasi dua hala diadakan bagi proses pemantauan melalui beberapa mesyuarat : Mesyuarat Pengurusan Tertinggi FSR, Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan. Proses pemantauan ini bertujuan untuk memastikan FSR dapat mencapai prestasi yang telah disasarkan. Hasil dapatan daripada proses pemantauan, kepimpinan FSR mengambil tindakan proaktif dalam memastikan tindakan penambahbaikan disusun agar mencapai objektif PdP yang telah ditetapkan.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Bersandarkan Amanat Tahun Baharu Naib Canselor UiTM 2023 yang disampaikan oleh ProfesorTs. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor dimana menekankan Kebolehpasaran Global, hala tuju FSR adalah berteraskan kepada hala tuju UiTM dimana tertumpu kepada *Globally Marketable* yang sejajar dengan Pelan Strategik UiTM 2025 ke arah menjadi Universiti Terkemuka Dunia pada tahun 2025, seterusnya membentuk Malaysia Madani. Konsep Kebolehpasaran Global ini berkait rapat dengan kemampuan warga UiTM iaitu staf dan pelajar, untuk menarik perhatian global menerusi pelbagai inisiatif antarabangsa yang giat dijalankan pada 2022. Pada tahun 2023, kepimpinan FSR mengembling tenaga dalam mengukuhkan lagi nama FSR dengan memperkasa kebolehpasaran warga FSR yang akan meningkatkan ketampakkan FSR.

Pada bulan Januari 2023, kepimpinan kanan FSR diterajui oleh Profesor Dr Mohad Anizu bin Mohd Nor sebagai Dekan FSR dan pada bulan Jun 2023, berlaku pertukaran Dekan iaitu Profesor Madya Dr. Raja Mohahamed Firhad Bin Raja Azidin, Dekan FSR. Timbalan Dekan Akademik, Dr Shariman Ismadi Ismail merupakan individu penting dalam melonjakkan kecemerlangan bidang tumpuan PdP di FSR. Barisan kepimpinan Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) dibantu oleh seorang Pendaftar Akademik, tiga orang Ketua Pusat Pengajian (KPP) dan empat orang Koordinator Program (KP), setiap bidang tugas dan peranan telah nyata dijelaskan di dalam surat lantikan untuk memperkasakan proses PdP.

Barisan kepimpinan FSR menyediakan persekitaran pembelajaran dan pengajaran yang kondusif untuk memacu kecemerlangan dengan memperuntukkan bajet, menyediakan sumber, serta fasiliti yang mencukupi untuk staf akademik dan pelajar untuk proses PdP. Ini bertujuan memastikan mereka memiliki kemahiran yang kompeten dan bakat yang cemerlang.

Kolaborasi bersama institusi dan agensi luar dimeterai melalui MoU dan MoA dalam mempertingkatkan perkongsian ilmu bersama pihak industri. Hasil sokongan kepimpinan FSR ini, pensyarah FSR sentiasa komited dalam mempelbagaikan kaedah PdP secara interaktif dan kreatif dengan menyertai pelbagai pertandingan inovasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

SENARAI BUKTI:

1. [F0047_K01_KB02_20241_c fungsi 2023 dan c fungsi HEA_Prof Dr Mohad Anizu.pdf](#)
2. [F0047_K01_KB02_20242_c organisasi FSR dan HEA_Prof Madya Dr Raja Moahammed Firhad.pdf](#)
3. [F0047_K01_KB02_20243_Letter of Appointment as Timbalan Dekan \(HEA\).pdf](#)
4. [F0047_K01_KB02_20244_Appointment Letter and Job Description of Academic Administrator..pdf](#)
5. [F0047_K01_KB02_20245_Objective Kualiti.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kepimpinan FSR menggunakan kaedah komunikasi dua hala dalam menyampaikan dan menyebarkan maklumat kepada warga FSR. Kaedah ini diperkukuhkan dengan penyampaian melalui medium komunikasi digital rasmi seperti emel, website, media sosial serta aplikasi Whatsapp group.

Komunikasi dua hala ini adalah proses perluasan daripada kepimpinan FSR dalam memastikan proses PdP mencapai objektif dan hala tuju yang telah ditetapkan. Ketampakan kepimpinan FSR yang proaktif dapat dilihat melalui perkongsian hala tuju KPI secara sehalu dan dua hala; Amanat Naib Canselor, Amanat Tahun Baru Dekan, pekeliling, mesyuarat, bengkel, taklimat, laman sesawang dan media sosial FSR dan UiTM.

Pemeriksaan program akademik FSR menjadi tumpuan kepimpinan FSR dengan penyebarluasan program akademik melalui Misi Akademik, Ekspo Selangkah, promosi bersasar secara fizikal dan maya, media dan brosur. Ketampakan program akademik disebarluaskan melalui pelantikan Profesor Kontrak Bukan Warganegara (Profesor Oleksandr Krasilshchikov) dalam memantapkan sesi perkongsian bersama pelajar-pelajar FSR. Pengajaran secara kolaboratif diteruskan antara pensyarah, kampus cawangan, universiti dan industri. Ini memberi ruang kerjasama dengan profesional dan pakar runding yang bertauliah dalam bidang yang berkaitan. Sehubungan dengan itu, kualiti PdP meningkat baik dalam menghasilkan modal insan yang berkualiti serta berkemahiran tinggi dalam memenuhi kehendak keperluan industri. Kepimpinan kanan mendokong aspirasi pengajaran kolaboratif dengan perlantikan wakil fakulti dalam menguruskan urusan pelaksanaan pengajaran kolaboratif pensyarah FSR.

KPP dan KP menyediakan Amanah Tugas Akademik (ATA) dan Amanah Tugas Pensyarah (ATP) berdasarkan kepakaran setiap pensyarah. Agihan ATA dan ATP yang efektif menyumbang kepada peningkatan kemasukan pelajar ke FSR melebihi sasaran yang ditetapkan dan peratus pelajar memperoleh 5A di peringkat SPM yang mendaftar bersama FSR juga meningkat ke 9.4% melebihi sasaran 5% yang ditetapkan.

Lantaran itu, kepimpinan kanan FSR sentiasa komited dalam memastikan segala keperluan sumber adalah mencukupi dalam menjalankan aktiviti PdP. Kepimpinan kanan FSR telah meluluskan pembelian keperluan barang PdP yang melibatkan pembelian barang di makmal prestasi manusia dan makmal rekreasi luar sebagai usaha memperkasakan aktiviti PdP di FSR.

SENARAI BUKTI :

1. [F0047_K01_KB03_20241_TADBIR URUS PENGURUSAN AKADEMIK.pdf](#)
2. [F0047_K01_KB03_20242_Bilangan staf akademik dan pentadbiran FSR 2023 \(2\).pdf](#)
3. [F0047_K01_KB03_20243_Pekeliling Akademik - 2016 - 03 - Garis Panduan Tugas & Tanggungjawab Pentadbir Akademik \(3\).pdf](#)
4. [F0047_K01_KB03_20244_Appointment As Profesor - Prof. Dr Oleksandr.pdf](#)
5. [F0047_K01_KB03_20245_Pembelian peralatan PdP dan penambahbaikan fasiliti.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bagi memastikan perancangan yang dibuat mencapai sasaran prestasi (PI) yang telah ditetapkan, kepimpinan kanan FSR mengamalkan pelan pemantauan berkala. Mesyuarat adalah salah satu kaedah pengurusan penting yang diamalkan oleh pengurusan kanan FSR di mana hasil pencapaian dibentang di dalam mesyuarat. Kepimpinan kanan FSR menggunakan kaedah pemantauan secara berkala ini adalah untuk memastikan kelancaran PdP di FSR. Pemantauan berterusan dilakukan melalui Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Fakulti (MPT), Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF), Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Akademik Pengajian Siswazah (JKAPS), Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) dan Mesyuarat Perancangan Strategik di mana pencapaian dan proses penambahbaikan program akademik FSR menjadi agenda utama.

Keberkesanan proses PdP dipantau melalui Jawatankuasa Pengajaran dan Pembelajaran FSR yang dipengerusikan oleh TDA bertujuan memantau pelaksanaan pengajaran di kalangan pensyarah, kesediaan pelajar terhadap proses PdP dan keupayaan pensyarah mempelbagaikan teknik pengajaran. Pencapaian kompetensi akademik dipantau adalah melalui Entrance Exit Survey, Students Feedback Online (SuFO), Pemantauan Profesionalisme Pensyarah (PRO-PENS), Teaching Self-Assessment (TESA), Teaching Effectiveness Index (TEX) dan MyATP. Maklumat yang diperolehi dianalisa dan dibentangkan dalam mesyuarat JAF.

Selain itu, kepimpinan FSR juga amat menitikberatkan Outcome-Based Learning (OBE) yang sentiasa menekankan kepada peningkatan kualiti berterusan (CQI). Closing of the loop (CDL) ialah salah satu mekanisma untuk mengukur keberkesanan OBE. Hasil pelaporan pencapaian CDL-CQI dibincangkan secara terperinci di mesyuarat JAF bagi tujuan pelaporan dan pemantauan.

Pemantauan juga dilaksanakan melalui aduan maklum balas pelanggan melalui QR kod yang telah disediakan di kaunter BHEA FSR demi memastikan peningkatan kualiti PdP di FSR. Maklumat diperhalusi dan dibentangkan di MKSP.

SENARAI BUKTI:

1. [F0047_K01_KB04_KC01_20241_minut Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Fakulti Bil 4_2023.pdf](#)
2. [F0047_K01_KB04_KC01_20242_Minit JKAPS dan JAF.pdf](#)
3. [F0047_K01_KB04_KC01_20243_Minit Mesyuarat Perancangan Strategik FSR Bil 1_2023 dated 7 Februari 2023.pdf](#)
4. [F0047_K01_KB04_KC01_20245_Minit Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan Bil 12022 dated 31 Januari 2023.pdf](#)
5. [F0047_K01_KB04_KC01_20244_PELAKSANAAN PROSES PEMANTAUAN PROFESIONALISME PENSYARAH \(PROPENS\).pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko penting untuk memastikan FSR dapat berfungsi secara efisien dan efektif. Kepimpinan FSR sentiasa komited dalam mengendalikan risiko diperingkat awal untuk mengelak dari kegagalan fungsi dengan menubuhkan Jawatankuasa Pemilik Risiko yang dipengerusi oleh Dekan FSR. Tindakan kawalan risiko dilaksanakan dengan sistematik melalui proses mengenal pasti risiko, jenis risiko, menilai, impak dan proses mitigasi yang efisien. Kempimpinan FSR pastikan setiap pemegang taruh menyertai dalam tindakan kawalan risiko, mendaftar risiko serta menyediakan pelan halatuju pengurusan risiko yang dibincangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko dan MKSP.

Proses pengurusan risiko di FSR bermula dengan pendaftaran risiko oleh pegawai yang bertanggungjawab di dalam sistem pengurusan risiko iaitu Electronic Records Management System (e-RMS). Seterusnya proses kemaskini dan analisa daftar risiko dilakukan untuk menentukan tahap impak risiko mengikut kategori, dimana empat kategori tahap impak risiko ditentukan seperti rendah, sederhana, tinggi dan extreme. Setelah tindakan pencegahan dilaksanakan, pegawai yang bertanggungjawab akan membuat pelaporan dengan menggunakan sistem e-RMS untuk merekod status tindakan pencegahan yang telah dilakukan seperti tarikh siap dan tarikh disemak. Pada tahun 2023, terdapat 5 risiko yang didaftarkan dalam sistem e-RMS.

SENARAI BUKTI :

1. [F0047_K01_KB04_KC02_20241_ELECTRONIC RECORDS MANAGEMENT SYSTEM.pdf](#)
2. [F0047_K01_KB04_KC02_20242_AJK Pengurusan Risiko dan surat lantikan \(2\).pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

1.4.3 MENGENALPASTI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kepimpinan FSR sentiasa memastikan setiap proses kerja yang telah ditambahbaik dinilai dari segi tahap risikonya melalui kajian semula dan tindakan pembetulan, bagi menggerakkan hasil perancangan strategik serta hasil pengoperasian FSR. Kaedah yang digunakan oleh barisan kepimpinan FSR dalam mengkaji semula pengurusan dilaksanakan melalui saluran mesyuarat yang dipengerusikan oleh Dekan iaitu Mesyuarat Pengurusan Tertinggi FSR (MPT) yang diadakan dua bulan sekali, Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) diadakan dua bulan sekali, Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) diadakan sekali setahun, dan Mesyuarat Akademik diadakan setiap awal semester. Melalui mesyuarat yang dijalankan, kepimpinan FSR dapat mengenalpasti aktiviti-aktiviti penambahbaikan yang sesuai dengan pelaksanaan program berkaitan bidang tumpuan. Selain mesyuarat rasmi, platform seperti emel rasmi UiTM, Whatsapp, laman sesawang dan soal selidik kepuasan pelanggan adalah mekanisme yang dilaksanakan oleh kepimpinan FSR bagi memastikan inisiatif berkenaan mendapat maklumbalas daripada seluruh warga FSR.

Tindakan penambahbaikan juga dilaksanakan berdasarkan tren pencapaian prestasi. Tren pencapaian ini dianalisa bagi mengenal pasti tindakan susulan penambahbaikan. Laporan penemuan Audit Luar, Audit Dalam dan Audit Bahagian Pentaksiran dan Penilaian Akademik juga merupakan platform yang signifikan dalam kajian semula dan tindakan penambahbaikan. Hasil penemuan audit dianalisa dan dibentangkan kepada kepimpinan FSR di dalam MKSP. Seterusnya KPP akan menyampaikan kepada staf bahagian masing-masing supaya tindakan penambahbaikan dapat dilakukan dengan efisien.

SENARAI BUKTI :

1. [F0047_K01_KB04_KC03_20241_AGENDA MKSP FSR 2024.pdf](#)
2. [F0047_K01_KB04_KC03_20242_REPORT IQMS CYCLE 6.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Integrasi adalah satu proses yang menyatupadukan warga FSR melalui pemuafakatan untuk mencapai bidang tumpuan. Kepimpinan FSR menonjolkan kepakaran dan bakat dalam menerajui inisiatif strategik serta mencapai objektif dengan menggunakan konsep kepimpinan melalui teladan. Setiap bahagian diberikan petunjuk prestasi (PI) yang jelas, disertai dengan pelbagai pelan tindakan, penambahbaikan, inovasi, intervensi, dan mitigasi yang berfokuskan teknologi dalam pemerkasaan pelaksanaan PdP. Ini bertujuan untuk memacu pencapaian terhadap petunjuk prestasi serta kecemerlangan fakulti di peringkat nasional dan global. PI yang telah disasarkan perlu dilaksanakan secara holistik disetiap bahagian di mana tiga fasa iaitu fasa pertama ialah fasa penerimaan PI, fasa kedua ialah fasa perancangan dan penyediaan Strategic Action Plan (SAP), dan fasa ketiga ialah fasa pemurnian SAP. Integrasi di antara semua bahagian ditekankan oleh kepimpinan FSR dalam mencapai PI yang telah disasarkan.

Kepimpinan FSR menitikberatkan aspek profesionalisme dalam aspek pengurusan PdP dengan menekankan kepatuhan kepada semakan serta lawatan audit luar dan audit dalam. Kepimpinan FSR mengamalkan keterbukaan dan ketelusan dalam menerima an audit seterusnya menyebarkan penemuan audit untuk penambahbaikan. Hasil daripada semakan audit, teguran dan penambahbaikan perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa. Justeru itu, integrasi dan pembudayaan profesionalisme di kalangan warga FSR membantu proses PdP dan mencapai objektif strategik FSR. Selain itu demi memperkasakan ketampakan FSR diperingkat global, FSR mengadakan kolaborasi bersama universiti dan industri luar negara melalui MOU. Kolaborasi ini dapat membantu pemindahan ilmu, pengembangan bakat dan meningkatkan keupayaan FSR sebagai sebuah institusi pendidikan yang berinovatif dan relevan seterusnya dapat membantu dalam menghasilkan graduan yang mampu berdepan dengan keperluan pekerjaan di masa hadapan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0047_K01_KB05_20241_Perancangan PI FSR 2023.pdf](#)
2. [F0047_K01_KB05_20242_PERANCANGAN STRATEGIK FSR 2023_HEA_FSR \(3\).pdf](#)
3. [F0047_K01_KB05_20243_Pencapaian PI FSR tahun 2023.pdf](#)
4. [F0047_K01_KB05_20244_Pencapaian HEA 2023.pdf](#)
- 5.

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan strategik FSR dirancang secara holistik bagi memacu kecemerlangan dan kelestarian FSR yang didasari oleh perancangan strategik UiTM 2025 dan Value-Driven Performance ESI-iDART. Ianya berpaksikan kepada hala tuju strategik UiTM 2025 iaitu UiTM ke arah Globally Renowned University 2025 (GRU2025). Tahun 2023 adalah fasa transisi perubahan terhadap GRU2025 iaitu UiTM ke arah Globally Marketable University. Perancangan strategik FSR diselaraskan oleh Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) sebagai wakil FSR, yang bertanggungjawab merancang, melaksanakan, dan mengambil tindakan penambahbaikan ke atas setiap perancangan strategik FSR bagi mencapai petunjuk prestasi (PI) yang disasarkan.

Perancangan strategik FSR adalah berdasarkan kepada pendekatan proses PDCA (Plan - Perancangan, Do - Pelaksanaan, Check - Pemantauan dan Act - Tindakan Penambahbaikan). Proses ini dilaksanakan secara tersusun bagi menghasilkan keberhasilan yang optima. Peringkat pertama iaitu Perancangan dilaksanakan melalui pendekatan top-down dan bottom-up secara libat sama Pengurusan Tertinggi FSR dan peneraju PI dalam merangka dan membangunkan Pelan Strategik (Strategic Action Plan - SAP). Peringkat kedua adalah pelaksanaan terhadap SAP yang telah dirancang pada peringkat pertama. Peringkat ini melibatkan seluruh warga FSR termasuk pensyarah/staf/pelajar. Seluruh warga FSR merupakan tulang belakang dan pendokong kepada pelaksanaan SAP FSR. Peringkat ketiga pula adalah proses pemantauan SAP secara berkala menerusi siri perbincangan dan perkongsian yang diadakan empat kali setahun yang diketuai oleh PSTU FSR. Selain itu, pelaksanaan pelan strategik dan pencapaian PI turut dilaporkan dalam MKSP. Peringkat terakhir adalah tindakan penambahbaikan dimana prestasi semasa ke atas PI yang dipaparkan hasil dari pemantauan berkala disusun dengan tindakan drastik penambahbaikan. Mana-mana PI PdP yang belum mencapai sasaran yang ditetapkan perlu dikaji untuk mengenal pasti punca kegagalan dan menilai pencapaian semasa, bagi memastikan pencapaian strategik FSR dapat dicapai pada tahap maksimum.

Pada dasarnya, pelan tindakan strategik dalam PdP di FSR berpandukan kepada PI yang ditetapkan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU). Bagi tahun 2023, BTU telah menetapkan 17 PI dalam bidang PdP kepada FSR untuk dicapai. Antara PI tersebut adalah berkaitan pembangunan program berimpak tinggi, program pertukaran pelajaran antarabangsa, enrolmen pasca-siswazah tempatan dan antarabangsa, pelajar bergraduan mengikut tempoh (GOT) dan aktiviti kolaborasi antarabangsa. Bagi memenuhi sasaran PI tersebut, pelan tindakan telah dirancang dan disusun oleh pihak pengurusan FSR secara berkala sepanjang tahun.

Bagi mencapai setiap PI, projek khusus telah dirangka untuk perlaksanaan dan pencapaiannya. Kesemua projek berkaitan PDP diketuai oleh Timbalan Dekan Akademik (TDA) manakala Dekan adalah selaku peneraju. Kemajuan pelaksanaan setiap projek atau aktiviti dilapor dan dibentang oleh TDA di dalam mesyuarat pelaporan kemajuan PI setiap bulan. Permasalahan dan pelaporan risiko serta tindakan mitigasi juga dinyatakan dan dibincang dalam mesyuarat tersebut.

Beberapa faktor penyumbang kepada ketidakcapaian PI-PI tertentu, di antaranya dan yang paling utama adalah faktor kewangan, sebagai contoh pembangunan program berTVET memerlukan peruntukan yang tinggi. Namun PI PdP yang lebih teras seperti GOT, enrolmen pelajar pascasiswazah antarabangsa dan jalinan kerjasama antarabangsa melalui MOU/MOA mencatatkan keputusan yang baik dan cemerlang.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Hasil daripada bengkel perancangan strategik FSR 2023 di Bilik Mesyuarat Utama, Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, UiTM Shah Alam pada 7 Februari 2023, dokumen perancangan strategik FSR 2023 telah disediakan. Secara keseluruhan, bengkel selama sehari ini telah mencapai kata sepakat dalam merancang strategik berdasarkan Performance Indicator (PI) FSR yang telah ditetapkan oleh Bahagian Transformasi UiTM (BTU). Tiga (3) teras strategik sokongan universiti diselaraskan bersama inisiatif diperingkat fakulti. Teras- teras strategik tersebut adalah seperti berikut:

1. Teras 1 – Pendidikan Berkualiti
2. Teras 2 – Kecemerlangan Global
3. Teras 3. – Prestasi Berorientasikan Nilai

Melalui penetapan teras-teras ini, Mesyuarat Perancangan Strategik FSR telah menggariskan beberapa program yang terdiri daripada projek-projek yang akan mendukung usaha merealisasikan sasaran hala tuju strategik iaitu menjadikan UiTM sebagai Globally Marketable.

FSR telah memilih PdP sebagai bidang tumpuan berdasarkan kepada sasaran kepada petunjuk prestasi utama 2023 seperti yang telah digariskan oleh Dato' Naib Canselor yang memberi tumpuan khusus kepada lima inisiatif utama iaitu aksesibiliti, graduan dinamik dan pendidikan tinggi berkualiti juga turut diambil kira dalam rangka perancangan strategik FSR.

Berdasarkan buku Perancangan Strategik RMKe-12 UiTM, aspek Pengajaran dan Pembelajaran adalah teras terpenting dan difokuskan secara menyeluruh dalam ketiga-tiga teras yang disenaraikan. Sebelas (11) agenda utama UiTM adalah seperti Rajah 2.2.

Untuk itu, FSR telah mensasarkan kecemerlangan aktiviti PdP bukan hanya diperingkat kebangsaan tetapi juga di peringkat global. Bagi menghasilkan PdP berkualiti, inisiatif strategik pengajaran dan pembelajaran bukan hanya merangkumi Teras 1 dalam perancangan strategik UiTM tetapi juga teras-teras lain. Jadual 2.1 menunjukkan Pelan Perancangan Strategik FSR 2016-2025 yang berkait rapat dengan bidang PdP.

Selain itu, pelan tindakan strategik (SAP) dirangka berdasarkan PI. Terdapat 17 SAP berkaitan PdP di FSR mengikut 17 PI yang telah ditetapkan oleh pihak BTU. TDA dan pengurusan akademik telah memastikan pelaksanaan SAP PdP ini berjalan lancar. Bagi memastikan pelaksanaan ini menjadi lebih berkesan, penglibatan semua staf akademik dan pentadbiran FSR diperlukan. Justeru, pemakluman kepada semua warga berkenaan hala tuju FSR telah dilakukan melalui program Amanat Dekan 2023 di awal tahun. Dalam program ini, TDA diberi ruang untuk menyampaikan maklumat berkenaan SAP dan hala tuju PdP kepada semua staf.

Mesyuarat pelaporan PI dan kemajuan SAP PdP dilakukan secara berkala (setiap bulan) bagi memastikan setiap hala tuju yang ditetapkan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Secara kesimpulannya, dengan penumpuan kepada inisiatif strategik ini dijalankan berdasarkan kepada perancangan sistematik yang telah disediakan dengan mengambil kira elemen inovasi dan perkongsian pengetahuan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0047_P01_PB02_20241_20232_agenda_Utama.pdf](#)
2. [F0047_P01_PB02_20242_Jemputan_bengkel_Perancangan_Strategik_FSR_2023.pdf](#)
3. [F0047_P01_PB02_20243_dokumen_Petunjuk_Prestasi_FSR_2023.pdf](#)
- 4.
- 5.

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pelaksanaan pelan perancangan strategik FSR dibangunkan berpaksikan Perancangan Strategik UiTM 2025. Untuk memastikan hasrat UiTM untuk menjadi Globally Marketable University pada tahun 2023 dicapai, pelan perancangan strategik FSR dijalankan bermula dengan merancang pelan tindakan bersama pemilik dan pelaksana PI seterusnya melaksanakan aktiviti/program bagi mencapai sasaran PI yang telah ditetapkan. Bagi memastikan hala tuju pelan perancangan strategik FSR di fahami dan dilaksanakan dengan baik, proses penyampaian maklumat pelan perancangan strategik di lakukan dengan melibatkan semua warga FSR. Proses penyampaian maklumat dilakukan melalui bengkel Pelan Tindakan Strategik (SAP) dan mesyuarat akademik FSR. Sebaran maklumat perancangan dan pencapaian pelan strategik FSR juga dibuat melalui hebahan di Whatsapp rasmi FSR.

Pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik PDP dijalankan melalui pelbagai program sepanjang tahun. Selain dari program Amanat Dekan, TDA dan pengurusan akademik FSR juga melaksanakan pelbagai program bagi memastikan penglibatan pelbagai pihak yang berkepentingan dalam menjayakan hala tuju PdP ini. Antara program-program tersebut adalah sesi taklimat mahasiswa baharu, mesyuarat staf akademik, taklimat jadual waktu kuliah, bengkel penilaian dan pensejajaran kursus, bengkel pengemaskinian program akademik, mesyuarat akreditasi program dan bengkel bank soalan peperiksaan.

Struktur organisasi pengurusan dan pentadbiran akademik yang teratur memudahkan lagi proses perluasan inisiatif strategik PdP.

Peluasan maklumat dan aktiviti berkaitan PdP dikongsi di emel rasmi UiTM. Selain itu, penggunaan aplikasi media sosial seperti Whatsapp, Facebook dan Instagram juga berperanan penting dalam penyebaran maklumat dan pelaksanaan aktiviti berkaitan PdP, sebagai contoh kumpulan Akademik FSR dalam aplikasi Whatsapp. Setiap aktiviti yang dijalankan akan dikongsi di dalam kumpulan media sosial ini. Malah, setiap aktiviti yang dijalankan mempunyai kumpulan tersendiri dalam aplikasi media sosial tersebut. Ini amat memudahkan bukan sahaja bagi penyampaian maklumat dan pelaksanaan aktiviti, tetapi juga memudahkan proses pemantauan aktiviti. Ini juga dapat mendorong ahli-ahli kumpulan untuk terlibat sama dalam setiap aktiviti tanpa rasa terpinggir.

Bagi perancangan bidang PdP, pelan perancangan strategik FSR dirancang berpandukan teras pendidikan berkualiti yang mengambil kira tema strategik UiTM 2025 iaitu Education 5.0@UiTM, Graduan Seimbang dan Berciri keusahawanan dan peluasan akses kepada pendidikan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0047_P01_PB03_20241_BENKEL PERANCANGAN STRATEGIK FSR 2023.pdf](#)
2. [F0047_P01_PB03_20242_WA akademik FSR.pdf](#)
3. [F0047_P01_PB03_20243_Perancangan PI FSR 2023.pdf](#)
4. [F0047_P01_PB03_20244_minut MESYUARAT AKADEMIK 2023.pdf](#)
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan yang teliti terhadap pelaksanaan diperlukan untuk memastikan FSR mencapai hala tuju pelan strategik yang disasarkan. Proses pemantauan dilakukan oleh Dekan dan peneraju setiap PI melalui mesyuarat dan perbincangan secara bulanan untuk menyemak, menilai dan membandingkan pelan perancangan dan pencapaian dengan PI yang telah ditetapkan. Ia bertujuan untuk memastikan program/aktiviti yang dilaksanakan adalah bertepatan dengan PI yang telah ditetapkan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU) selain untuk mengenalpasti masalah yang timbul dalam pelaksanaan perancangan.

Pemantauan dilakukan seiring dengan pencapaian terhadap skor PI oleh BTU. FSR menggunakan sistem UePMO dan power BI yang disediakan oleh PSTU. Melalui sistem ini ianya dapat membantu pengurusan tertinggi FSR menilai prestasi semasa dan mengambil tindakan intervensi yang sewajarnya. Sebagai usaha pengukuhan, pemantauan terhadap Objektif kualiti juga memfokuskan aktiviti-aktiviti yang berkaitan Skor PI. Fokus utama pemantauan adalah kepada menilai keberkesanan SAP dan Objektif Kualiti dalam mencapai sasaran PI dan kecemerlangan PdP di FSR.

Mekanisme pemantauan sedia ada terbukti efektif dalam memastikan kelancaran pelaksanaan aktiviti SAP dan Objektif Kualiti. Ia berupaya mengenal pasti masalah, merumuskan tindakan penambahbaikan dan memfokuskan PI yang pencapaiannya rendah terutama bagi PI yang mempunyai pemberat 3 dan ke atas. Hasil pemantauan digunakan sebagai input dalam mengkaji semula pengurusan, memperbaiki pembelajaran, meningkatkan kualiti secara berterusan terutama dalam PdP dan mengurangkan risiko kegagalan melaksanakan aktiviti SAP.

SENARAI BUKTI:

1. [F0047_P01_PB04_PC01_20241_Pi Achievement Report UiTM 2025 FY2023 - 12_2023_FSR_signed \(2\).pdf](#)
2. [F0047_P01_PB04_PC01_20242_Sistem uisms.uitm.edu.my.pdf](#)
3. [F0047_P01_PB04_PC01_20243_Sistem powerBI 2023.pdf](#)
4. [F0047_P01_PB04_PC01_20244_Surat pelantikan PSTU.pdf](#)
- 5.

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Bgi menangani risiko ketidakcapaian PI, JK Risiko FSR telah mendaftarkan risiko di sistem. Antara tujuan utama adalah untuk memastikan risiko dapat dikawal dengan baik dan diselia oleh JK risiko FSR yang akan memantau perkembangan dari semasa ke semasa. Proses pengurusan risiko bermula dengan pendaftaran risiko oleh pegawai yang bertanggungjawab di dalam sistem pengurusan risiko iaitu Electronic Records management System (e-RMS). Seterusnya, proses kemaskini dan analisa daftar risiko dilakukan untuk menentukan tahap impak risiko mengikut kategori dimana empat kategori tahap impak risiko ditentukan seperti rendah, sederhana, tinggi, extreme.

Dalam tadbir urus, Jawatankuasa Risiko FSR adalah yang bertanggungjawab mengendalikan pendaftaran risiko rasmi fakulti. JK ini mengumpul dan mendaftarkan risiko yang dikemukakan oleh peneraju PI. Dekan FSR mengetuai JK ini dengan ahli-ahlinya terdiri daripada pengurusan tertinggi FSR dan ahli-ahli lantikan. Langkah ini selaras dengan Arahan Dasar dan Mekanisme Pengurusan Risiko UiTM. Melalui pengurusan risiko yang efisien, risiko fizikal dan risiko strategik dapat diuruskan secara cermat.

SENARAI BUKTI :

1. [F0047_P01_PB04_PC02_20241_ELECTRONIC RECORDS MANAGEMENT SYSTEM.pdf](#)
2. [F0047_P01_PB04_PC02_20242_Carta organisasi jawatankuasa risiko FSR \(1\).pdf](#)
3. [F0047_P01_PB04_PC02_20243_QR code e-aduan.pdf](#)
- 4.
- 5.

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Tindakan mengkaji semula tindakan penambahbaikan perancangan strategik FSR bermula dengan proses semakan dan pemantauan berpandukan kepada pembahagian PI kepada setiap bahagian.

Proses penambahbaikan PdP turut melibatkan kumpulan sasaran iaitu staf akademik dan pelajar. Proses perancangan penambahbaikan ini boleh dibahagikan kepada dua iaitu PdP dan infrastruktur. Penambahbaikan dari segi PdP dapat dilihat secara langsung melalui audit fail kursus staf akademik. Cadangan penambahbaikan daripada staf akademik dizahirkan dalam CDL-CQI bagi kursus yang telah diajar manakala maklumbalas daripada pelajar berdasarkan SUFO.

Dalam usaha memantapkan PdP, FSR telah mengadakan program seperti bengkel, perjumpaan antara pihak pengurusan FSR dengan staf dan juga pelajar. Maklumbalas peserta (staf dan juga pelajar) mengenai program yang telah dijalankan, dikumpul dan dianalisa untuk penambahbaikan sekiranya perlu. Selain itu, terdapat juga perjumpaan mengikut bidang yang diketuai oleh Ketua Pusat Pengajian (KPP) di mana cadangan untuk penambahbaikan akan diajukan kepada KPP masing-masing. Segala perancangan untuk penambahbaikan FSR dibincangkan di dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP).

Pelajar yang juga merupakan kumpulan sasaran boleh mengemukakan cadangan penambahbaikan kepada FSR melalui medium seperti Jawatankuasa Perwakilan Pelajar, QR code e-aduan seperti di laman sesawang FSR melalui emel dan juga secara terus kepada pengurusan FSR.

SENARAI BUKTI :

1. [F0047_P01_PB04_PC03_20241_Kenalpasti risiko P&P melalui laporan CDL-CQI \(Petikan Minit 1\).pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pelaksanaan pelan strategik di FSR melibatkan warga FSR secara menyeluruh, kolaboratif dan inovatif. PSTU sebagai individu penting yang mengkoordinasikan pelaksanaan aktiviti dan penambahbaikan perancangan strategik. Tugas utama PSTU di peringkat pelaksanaan pelan strategik (SAP) merangkumi membuat pelaporan pencapaian skor PI beserta simulasi dan progres peratusan pelaksanaan SAP. Pelaporan dibuat secara berkala empat akli setahun melalui siri perjumpaan dan perbincangan bersama peneraju PI.

Setiap kejayaan yang dicapai oleh warga FSR disebarluaskan melalui pelbagai platform seperti Amanat Tahun Baru Dekan, mesyuarat akademik dan media sosial (Facebook dan Instagram rasmi FSR). Ianya bertujuan untuk meningkatkan motivasi dan membentuk sistem budaya kerja berkualiti dan tangkas di kalangan semua warga FSR.

Pengurusan fakulti memainkan peranan penting pada peringkat pelaksanaan untuk memastikan semua perancangan aktiviti, program dan projek PdP dapat dilaksanakan dengan baik. Peneraju dan pelaksana PI akan bekerjasama melaporkan pencapaian kepada PSTU dan Dekan. Ini akan dilakukan dengan mengemaskini pencapaian di dalam sistem perancangan strategik. Dengan integrasi ini FSR dapat memastikan proses PdP di FSR berjalan lancar dan sistematik dalam memenuhi matlamat Perancangan Strategik UiTM 2025.

SENARAI BUKTI :

1. [F0047_P01_PB05_20241_AMANAT DEKAN 2023.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

FSR sentiasa komited dalam meningkatkan jalinan hubungan kerjasama dengan setiap pelanggan. Pendekatan yang menyeluruh telah dilaksanakan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) FSR berdasarkan piagam pelanggan BHEA untuk memastikan setiap pelanggan memperoleh impak yang maksimum dan reputasi yang cemerlang. Pelanggan FSR terdiri dari pelbagai pemegang taruh iaitu bakal pelajar, pelajar, masyarakat, ibu bapa, pihak industri, pembekal dan organisasi atau agensi dikenal pasti sebagai pelanggan FSR yang perlu diberikan perkhidmatan yang berkualiti.

FSR menggunakan proses kitaran Plan, Do, Check, and Act (PDCA) untuk melibatkan diri secara berkesan dengan pihak pelanggan berkepentingan. Antara langkah digunakan:

Perancangan (Plan): FSR merancang tumpuan pelanggan berdasarkan objektif kualiti FSR yang mengandungi 9 perkara bertumpu pada kumpulan pelanggan yang telah dikenal pasti. Selain itu, dalam menetapkan perancangan, FSR berpaksikan kepada UiTM 2025 Strategic Plan Performance Indicator (PI) Achievement 2023 yang berkaitan PdP seperti jumlah *academic programmes embedded with new international credited service learning activities*, peratusan Graduate on time (GOT), Bilangan MOOC, *Number of leadership programmes* dan pelbagai PI yang berkaitan PdP yang telah dijadikan amanah kepada FSR. FSR telah membangunkan pelan komprehensif untuk inisiatif PdP. Ini termasuk menetapkan matlamat, menentukan strategi, dan mengenal pasti keperluan dan jangkaan pelbagai pihak pelanggan, seperti pelajar, fakulti, pentadbir dan pihak industri juga penaja.

Pelaksanaan(Do): Dalam fasa ini, FSR melaksanakan inisiatif yang dirancang. Ia melibatkan mereka bentuk dan menyampaikan kaedah pengajaran yang inovatif, membangunkan bahan kurikulum, menyediakan program pembangunan fakulti, dan mencipta perkhidmatan sokongan pelajar. FSR memastikan bahawa inisiatif sejajar dengan jangkaan pihak berkepentingan dan memenuhi keperluan para pelanggan. Fasa ini dibantu oleh pekeliling yang ditetapkan oleh bahagian pentaksiran dan penilaian akademik (BPPA) dan bahagian pemantauan akademik iaitu Jawatan Kuasa Induk Pemantauan Akademik (JKIPA)

Pemantauan (Check): FSR sentiasa menilai keberkesanan inisiatif yang dilaksanakan dengan mengumpul maklum balas daripada pihak pelanggan. Ia mungkin menjalankan tinjauan, pelaporan, temu bual atau menggunakan kaedah penilaian lain untuk mengukur kepuasan pihak pelanggan, menilai hasil pembelajaran dan mengukur kesan intervensi. Langkah ini membantu mengenal pasti bidang penambahbaikan dan menyerlahkan sebarang jurang antara hasil yang dirancang dan sebenar.

Tindakan (Act): Berdasarkan maklum balas dan keputusan penilaian, FSR mengambil tindakan untuk menambah baik inisiatif pengajaran dan pembelajaran. Ini mungkin melibatkan pengubahsuaian strategi sedia ada, menangani isu yang dikenal pasti, dan melaksanakan perubahan yang diperlukan untuk meningkatkan kepuasan pihak pelanggan dan meningkatkan hasil pembelajaran. FSR bekerjasama dengan pihak pelanggan untuk memastikan maklum balas mereka dipertimbangkan dan disepadukan ke dalam proses membuat keputusan.

Secara keseluruhan, dengan mengikuti kitaran PDCA, FSR terlibat secara aktif dengan pihak pelanggan, menambah baik inisiatif secara berterusan, dan memastikan pengalaman pengajaran dan pembelajaran memenuhi jangkaan dan keperluan semua pihak yang terlibat.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Terdapat beberapa pihak yang dikenalpasti sebagai pelanggan kepada FSR. Mereka adalah terdiri daripada pelajar, ibu bapa, majikan atau industri, pensyarah, kerajaan, alumni dan pihak penaja. Kesemua pelanggan ini mempunyai pelbagai keperluan, jangkaan dan minat dalam pendidikan tinggi. Pendekatan yang sesuai boleh menangani keperluan ini dengan menyediakan alat, sumber dan sokongan yang inovatif untuk meningkatkan pengalaman pendidikan, meningkatkan hasil pembelajaran, dan memenuhi permintaan pelajar dan pihak pelanggan lain yang sentiasa berubah mengikut peredaran semasa.

FSR menguruskan pelanggan melalui tindakan berstrategi menggunakan pendekatan bersesuaian bertujuan meningkatkan komunikasi, kolaborasi dan hubungan dalam pengurusan melalui beberapa langkah;

- 1) Kenal pasti pelanggan untuk fahami peranan, minat dan harapan mereka.
- 2) Fahami keperluan dan jangkaan pelanggan dengan menjalankan tinjauan untuk mengumpulkan maklumat tentang keperluan, jangkaan dan kebimbangan setiap kumpulan pelanggan untuk memahami perspektif mereka dan menyesuaikan strategi komunikasi dengan sewajarnya.
- 3) Wujudkan saluran komunikasi yang jelas dan mudah diakses oleh pelanggan untuk memberikan maklum balas, menyuarakan kebimbangan dan berkongsi cadangan.
- 4) Libatkan pihak pelanggan dalam membuat keputusan dengan menyediakan peluang untuk menggalakkan rasa pemilikan dan tanggungjawab bersama dan penglibatan yang menggalakkan mengukuhkan ikatan antara fakulti dan pelanggan.
- 5) Mengiktiraf dan menghargai sumbangan pihak pelanggan untuk membantu memupuk hubungan yang positif dan menyokong.
- 6) Sentiasa menilai dan menyesuaikan strategi antara pihak pelanggan dengan menyemak dan perhalusi pendekatan secara kerap untuk memastikan ia kekal responsif kepada keperluan dan jangkaan pihak pelanggan yang sentiasa berubah.

Dengan menggunakan pendekatan inklusif, telus dan responsif kepada pihak pelanggan, institusi pengajian tinggi boleh membina hubungan yang kukuh, memupuk semangat kemasyarakatan dan meningkatkan keberkesanan institusi secara keseluruhan. Mengendalikan pihak pelanggan di FSR memerlukan pendekatan yang sesuai untuk memastikan komunikasi, kerjasama dan pengurusan perhubungan yang berkesan. Berikut adalah beberapa pertimbangan utama: Penglibatan dan pengukuhan pihak pelanggan dalam pengajaran dan pembelajaran di peringkat FSR boleh dicapai melalui strategi berikut:

- 1) Kerjasama dan penglibatan dengan memberi ruang maklum balas dan penyertaan dalam proses membuat keputusan yang berkaitan dengan inisiatif pengajaran dan pembelajaran.
- 2) Pembangunan profesional: Menaja bengkel, seminar, persidangan dan kursus dalam talian mengenai pedagogi dan reka bentuk pengajaran.
- 3) Penglibatan pelajar: Libatkan pelajar secara aktif dalam membentuk pengalaman pembelajaran dengan menggalakkan maklum balas pelajar
- 4) Penyelidikan dan keserjanaan dengan menggalakkan pensyarah dan pelajar melibatkan diri dalam penyelidikan dan keserjanaan yang berkaitan dengan P&P. Mengiktiraf dan memberi ganjaran kepada sumbangan fakulti kepada keserjanaan pengajaran dan pembelajaran.
- 6) Penilaian dan maklum balas dengan melaksanakan amalan penilaian yang mantap untuk mengumpul maklum balas tentang keberkesanan pengajaran dan pembelajaran daripada pelajar menunjukkan bahagian A:(Persepsi keseluruhan kursus) adalah 92 (cemerlang), bahagian B:(Profesionalism pensyarah) adalah 92 (cemerlang), bahagian C:(

7)Kualiti P&P, aduan 02(cemerlang) dan bahagian B.(infrastruktur) aduan 91.5(baik-cemerlang) Penilaian pensyarah pula dibuat melalui PROPEN untuk memantau pengajaran dan professionalism pensyarah

7)Pengiktirafan dan insentif dengan mengiktiraf dan meraikan amalan pengajaran yang boleh dicontohi. Wujudkan anugerah, sijil atau bentuk pengiktirafan lain untuk menyerlahkan sumbangan cemerlang kepada P&P.

8)Sokongan dan sumber institusi dengan memastikan FSR menyediakan sokongan dan sumber yang mencukupi untuk pemberian inisiatif. Ini termasuk melabur dalam teknologi pengajaran, ruang pembelajaran, sumber perpustakaan dan peluang pembangunan profesional.

SENARAI BUKTI:

1. [F0047_T01_TB02_20241_KATEGORI PELANGGAN.pdf](#)
2. [F0047_T01_TB02_20242_SuFO - 20232 \(1\).pdf](#)
3. [F0047_T01_TB02_20243_PRO-PENS 20232 N.pdf](#)
- 4.
- 5.

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Mengumpul Data Pelajar:FSR mengumpul data pelajar terutamanya melalui borang dalam talian semasa proses kemasukan. Borang ini direka bentuk untuk mengumpulkan maklumat penting seperti butiran peribadi pelajar. Semua maklumat disimpan bentuk adta dalam sistem SIMS yang memudahkan komunikasi antara pelajar, pensyarah dan fakulti. Data dari SIMS diintergarasikan dalam platform pengajaran dan pembelajaran, iaitu uFUTURE . Data juga dikumpul secara fizikal di dalam fail peribadi pelajar dan disimpan oleh pihak hal ehwal akademik FSR. Akses kepada data pelajar ini dikawal ketat melalui kawalan akses berasaskan peranan, menghadkan akses kepada kakitangan yang diberi kuasa sahaja. Pelayan dan pangkalan data sentiasa dikemas kini bagi tujuan keselamatan dan dipantau untuk sebarang kemungkinan pelanggaran. Akses kepada data peribadi pelajar hanya perlu menggunakan *username* dan katalaluan. FSR komited untuk melindungi data pelajar dan memastikan pematuhan undang-undang ini dengan melaksanakan dasar dan prosedur yang sesuai. Bagi data yang disimpan secara fizikal dal bentuk fail peribadi, ianya juga disimpan dengan teliti dibahagian HEA.

Kenalpasti Data:Untuk mengekalkan data pelajar yang terkini dan tepat, FSR telah mewujudkan proses pengesahan data. FSR berkomunikasi dengan pelajar untuk mengemas kini maklumat mereka, seperti butiran pendaftaran kursus dan status akademik melalui studentportal dalam talian di mana pelajar boleh menyemak dan mengemas kini data peribadi mereka.

Pihak pengurusan FSR melibatkan para pelanggan dalam pelaksanaan P&P melalui beberapa cara: Pertama, pembangunan kurikulum dimana FSR menggunakan platform seperti semakan kurikulum yang biasanya akan dilaksanakan oleh Resource Person yang dilantik. Ini meningkatkan kerjasama dengan pakar fakulti dan subjek untuk membangunkan dan menyemak kurikulum yang sejajar dengan misi dan hasil pembelajaran FSR. Usaha ini dapat memastikan program dan kursus memenuhi keperluan pelajar dan permintaan industry semasa berdasarkan *Programme Learning Outcome (PLO)* dan *Course Learning Outcome (CLO)*.

Kedua, Pihak pengurusan FSR memberi sokongan dan pembangunan fakulti dengan meningkatkan profesional pensyarah dengan meningkatkan kemahiran mengajar termasuk bengkel, sesi latihan, program bimbingan dan sumber untuk menggalakkan amalan pengajaran yang berkesan. Pihak FSR juga mengendalikan penilaian dan jaminan kualiti dengan menetapkan proses untuk menilai hasil pembelajaran pelajar dan memastikan kualiti program. FSR mengguna pakai alat penilaian seperti PROPEN dan SUFO dalam menganalisis data, dan memberikan maklum balas kepada fakulti dengan pelaporan CDL-CQI (Bukti 4) bagi penambahbaikan berterusan. Ini membantu mengekalkan standard pengajaran dan pembelajaran yang efektif.

FSR juga menggalakan Integrasi Teknologi Pendidikan dengan menilai alat yang sesuai, menyediakan latihan kepada fakulti, dan memudahkan penyepaduan teknologi ke dalam kurikulum dengan mengemukan pembelian alat bantu mengajar atau mesin berkaitan Pengajaran dan Pembelajaran sebagai bukti maka terbinalah makmal baru Prestasi Manusia di aras 4. Seterusnya, pengurusan FSR juga menyediakan perkhidmatan sokongan pelajar seperti khidmat nasihat akademik, pusat sukan, kaunseling dan perpustakaan dan pengurusan asrama melalui perantaraan majlis perwakilan pelajar (MPP) dan secreteriat mahasiswa fakulti (SMF).

Pihak Industri juga dilibatkan melalui fungsi penajaan barang-barang keperluan pebgajaran dan pembelaharan bagi subjek SPS290 dan SPS 321 dan pelbagai sumbangan lain seperti tempat latihan praktikal.Selain itu juga, pihak industri memainkan peranan dalam *collaborative teaching* berdasarkan kepakaran industri yang diadaptasi ke dalam kursus berkaitan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0047_T01_TB03_20241_SIMS.pdf](#)
2. [F0047_T01_TB03_20242_ufuture.pdf](#)
3. [F0047_T01_TB03_20243_surat perlantikan RP SPS113.pdf](#)
4. [F0047_T01_TB03_20244_CDL.pdf](#)
5. [F0047_T01_TB03_20245_SALINAN SURAT ENDOWNMENT INDUSTRI UNTUK P&P.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan langsung terhadap 17 PI berkaitan PdP telah memberikan impak positif dan manfaat kepada penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasaran. Tindakan pemantauan ini memastikan pencapaian yang telah ditetapkan dapat dicapai, sambil memberikan kebaikan kepada mereka yang telah menyumbang kepada kecemerlangan PdP. Pemantauan program akademik berteraskan teknologi telah membawa kepada pengiktirafan MBOT kepada pensyarah FSR. Seorang pensyarah FSR diiktiraf sebagai Professional Technologist (Ts) dan lebih 50% (40 orang) staf FSR mempunyai keahlian badan profesional yang diiktiraf di dalam dan luar negara. Merujuk kepada prestasi pensyarah, pemantauan efektif terhadap MyATP meningkatkan keberkesanan rancangan kerja semester dan sasaran kerja tahunan, penilaian prestasi tahunan serta kenaikan pangkat.

Pemantauan berterusan terhadap prestasi pelajar memberi kebaikan kepada pelajar kerana berpotensi mendapat sijil AD dan ANC. Pelajar bergraduasi juga berpeluang menjadi calon penerima Anugerah Graduan Terbaik Program dan Fakulti (AGT).

Secara keseluruhannya FSR bersungguh-sungguh memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggannya dan sentiasa memastikan mereka komited menyumbang kepada kecemerlangan PdP sentiasa dihargai. Pemberian surat penghargaan dan hebahan melalui poster tahniah di Facebook Rasmi FSR juga dilaksanakan bagi menzahirkan penghargaan dan meraikan sumbangan yang signifikan atas prestasi yang baik sebagai pemangkin untuk kejayaan yang lebih cemerlang.

SENARAI BUKTI:

1. [F0047_T01_TB04_TC01_20241_ANC_2023.pdf](#)
2. [F0047_T01_TB04_TC01_20242_Anugerah_Akademik.pdf](#)
3. [F0047_T01_TB04_TC01_20243_Senarai_pensyarah_mendapat_sijil_CT.pdf](#)
4. [F0047_T01_TB04_TC01_20244_Skor_CT_dlm_MYATP.pdf](#)
- 5.

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Dalam bidang pegajaran dan pembelajaran, antara risiko yang dikenalpasti yang boleh menjejaskan pelaksanaan dan kejayaan maklumbalas pelanggan adalah risiko akademik. Risiko akademik merujuk kepada kebarangkalian pelajar gagal dalam kursus tertentu atau tidak dapat bergraduasi pada masa yang ditetapkan disebabkan tidak memenuhi keperluan program. Untuk mengatasi isu berkaitan risiko akademik ini, pihak pengurusan dan pensyarah FSR telah mengambil inisiatif melaksanakan kursus yang dapat membantu pelajar untuk lulus dengan cemerlang dalam kursus atau subjek mereka ambil melalui pelaksanaan kursus Service Learning Malaysia-University for Society or SULAM, pendekatan ini adalah seiring dengan halatuju UiTM untuk menghasilkan graduan yang holistik dalam pelbagai bidang. Antara kursus di FSR yang menawarkan program SULAM ialah Kejurulatihan Sukan Gunaan (SPS615). Dengan adanya kursus seperti ini, ia membolehkan para pelajar meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui program lapangan yang dijalankan dikalangan komuniti. Ini secara tidak langsung dapat membantu pelajar untuk mencapai matlamat lulus cemerlang dalam kursus yang diambil, dan pada masa yang sama memberi khidmat kepada komuniti.

Dikalangan para pensyarah pula, isu adalah seperti keupayaan para pensyarah untuk mengaplikasi dan mengadaptasi penyelidikan kepada amalan PdP. Dalam mengatasi isu ini, pihak pengurusan FSR yang diketuai oleh Timbalan Dekan Akademik dan Timbalan Dekan Jaringan Industri dan Penyelidikan telah secara aktif menggalakkan para pensyarah untuk menerbitkan journal hasil daripada penyelidikan daripada geran dan penyeliaan projek tahun akhir pelajar. Antara program yang telah dijalankan adalah bengkel penulisan "FYP TO INDEXED PUBLICATION". Program ini telah memberi panduan dan manfaat kepada para pensyarah untuk menghasilkan penulisan jurnal yang berkualiti dan berimpak tinggi.

Selain itu, dalam menghasilkan pelajar FSR yang berkualiti, para pensyarah FSR amat menjaga piawaian dengan memastikan bahan PdP adalah terkini dan bermutu. Seiring dengan perkara ini, ada diantara para pensyarah FSR Shah Alam telah mengambil pendekatan melakukan "Collaborative Teaching" (CT) iaitu Kerjasama dalam bidang PdP antara pensyarah di FSR Shah Alam dengan pensyarah FSR cawangan dan pihak industri yang pakar dalam bidang Sains Sukan melalui program Webinar "TALENT DEVELOPMENT IN MALAYSIA" untuk kursus SPS585. Pendekatan ini secara tidak langsung dapat memberi manfaat bukan sahaja kepada pelajar, malahan kebaikan dan impak positif kepada pensyarah dan industri terlibat.

SENARAI BUKTI :

1. [F0047_T01_TB04_TC02_20241_Sport Carnival.pdf](#)
2. [F0047_T01_TB04_TC02_20242_whatsapp akademik.pdf](#)
3. [F0047_T01_TB04_TC02_20243_3.4.2.pdf](#)
- 4.
- 5.

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

FSR komited memberikan perkhidmatan berkualiti kepada pelanggan ke arah memenuhi keperluan Standa 9001:2015. Ini penting untuk memastikan pengalaman positif pelanggan yang berinteraksi dengan FSR sar terus meningkatkan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan.

Manual Kualiti FSR, menetapkan dasar dan prosedur yang berkaitan tumpuan kepada pelanggan yang jelas memastikan kehendak pelanggan dikenal pasti dengan tujuan meningkatkan kepuasan pelanggan. Ia dicap melalui tindakan mewujudkan kaedah penerimaan maklum balas dan aduan pelanggan, mengkaji semula, menangani risiko dan merekodkan sebarang pindaan serta keperluan tambahan yang ditetapkan oleh FSR

FSR menetapkan saluran komunikasi yang jelas untuk menerima maklum balas dan aduan pelanggan meli mengoptimumkan penggunaan sistem ICT seperti e-Aduan, UnITSserta borang-borang digital bagi soal sel dan maklum balas kepuasan pelanggan. Inisiatif menyebarkan saluran maklum balas pelanggan melalui k di kaunter perkhidmatan memudahkan capaian oleh pelanggan, urusan rekod yang sistematik. Pelaporan dianalisis, dibentangkan dalam MKSP sekali setahun untuk ndakan mitigasi dan penambahbaikan atau pencegahan.

Penilaian lain yang berkait dan turut menyumbang kepada kualiti perkhidmatan PdP seperti pelaksanaan A Dalam dan menyediakan Laporan Penilaian Kendiri (e-SRR) serta penilaian dan analisis keberkesanan Pdl melalui pelaporan SuFO, PROPENS, TESA, Entrance and Exit Survey dan CDL-CQI. Setiap tindakan penganalisan dan hasil pelaporan ini dibentangkan dalam mesyuarat jawatankuasa terlibat san seterusnya disebarluaskan ke peringkat berkaitan untuk tindakan penambahbaikan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0047_T01_TB04_TC03_20241_TESA - 20234.pdf](#)
2. [F0047_T01_TB04_TC03_20242_Templat_Pelaporan_Teaching_Effectiveness_Index_Kepada_PejTNC/20232 \(1\).pdf](#)
3. [F0047_T01_TB04_TC03_20243_CD.L.pdf](#)
4. [F0047_T01_TB04_TC03_20244_AKTIVITI PELAJAR PPAP JAN - DIS TAHUN 2023 - Dr. Shariman.pdf](#)
- 5.

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Langkah penambahbaikan yang telah diambil oleh pihak FSR telah memunjukkan kesan positif kepada para pelanggannya. Ini dapat dibuktikan dengan peningkatan pembudayaan dan pengiktirafan dalam bidang penyelidikan dan inovasi dikalangan staf akademik FSR, bukan sahaja diperingkat universiti, tetapi juga diperingkat kebangsaan dan antarabangsa melalui jaringan bersama pihak industri. Selain daripada itu, melalui penyelidikan yang berterusan, pelajar siswazah dan para pensyarah telah berjaya menghasilkan penerbitan jurnal diperingkat dalam dan luar negara.

Hasil kepekaan pihak pengurusan FSR terhadap keperluan pelanggan telah berjaya menwujudkan budaya penghargaan dikalangan pelanggannya. Pendekatan ini telah memberi impak positif dan ini dapat dilihat berdasarkan prestasi kerja yang penuh bersemangat dan efisien dikalangan warga FSR. Pihak pengurusan FSR telah mengambil inisiatif dengan mengadakan imbuhan, anugerah dan sijil sebagai tanda penghargaan terhadap kecemerlangan akademik dan motivasi yang berterusan terhadap pelanggannya. Melalui cara ini pelanggan akan lebih kompetitif untuk memberikan perkhidmatan terbaik dalam melaksanakan P&P dan ini secara tidak langsung dapat meningkatkan prestasi dan kecemerlangan FSR. Diantara inovasi yang telah diwujudkan adalah Anugerah Kecemerlangan Akademik bagi meraikan kejayaan cemerlang para pensyarah, manakala untuk pelajar telah diadakan majlis anugerah pelajar cemerlang dan Malam Pra-Graduan

SENARAI BUKTI :

1. [F0047_T01_TB05_20241_AAU FSR 2023 \(1\).pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengukuran, analisis maklumat dan pengurusan pengetahuan merupakan elemen penting dalam pengoperasian FSR khususnya dalam konteks PdP. Proses ini membolehkan FSR mengumpul data secara berkala, merekod maklumat, menjalankan penilaian, menganalisis data dan menjalankan pemantauan berterusan. Semua ini bertujuan untuk peningkatan kualiti PdP dan pembangunan pelajar FSR. FSR menggunakan SAP sebagai rangka kerja untuk menyelaraskan ukuran prestasi organisasi. Konsep penjajaran dan penyepaduan digunakan dalam perancangan proses pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan supaya konsisten dan sistematik.

Maklumat keseluruhan pencapaian SAP dimuatnaik ke sistem UePMO setiap tiga bulan bagi tujuan pelaporan dan semakan untuk memastikan tahap pencapaian FSR pada setiap sukuan. Tujuan pengukuran prestasi, analisis, semakan dan penambahbaikan adalah untuk membimbing FSR ke arah pencapaian PI dan objektif strategik, dan bertindak balas terhadap perubahan organisasi yang tidak jangka dan mengenal pasti amalan terbaik dalam pemantauan SAP. Sistem UePMO berfungsi sebagai pusat pengumpulan data pencapaian bersepadu.

Item pengukuran adalah penting untuk mengukur pencapaian bidang tumpuan PdP. FSR telah menetapkan PI mengikut kekuatan yang telah difokuskan iaitu Akreditasi oleh Malaysian Qualification Agency (MQA), Ketampakan Pensyarah dan Inovasi/Kecemerlangan Pelajar. Oleh itu jenis pengukuran pencapaian yang digunakan untuk mengukur ketiga-tiga kekuatan tumpuan tersebut adalah data dan maklumat dari unit pengurusan utama fakulti seperti HEA, HEP, PJI, dan Kualiti. Proses tersebut dinilai secara berkala untuk memastikan ianya selari dengan akreditasi semasa dan kehendak peraturan serta memenuhi keperluan akademik dan keperluan operasi untuk menjamin pengukuran yang sistematik dan pengurusan pengetahuan yang berkesan.

Bagi memastikan kualiti dan ketersediaan maklumat, FSR menggunakan kemudahan teknologi terkini yang disediakan oleh pihak UiTM. Sistem Power BI digunakan bagi menganalisis setaiap pencapaian SAP FSR dengan data perbandingan di seluruh sistem UiTM. Semakan dan pengesahan dari Dekan, peneraju PI dan PSTU yang bertindak sebagai pelaksana kepada setiap inisiatif strategik yang telah dirancang.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kaedah pengukuran bagi kesemua data perancangan serta pencapaian yang berkaitan dengan PdP ini bersandarkan kepada perancangan yang sistematik dengan menitikberatkan elemen inovasi dan perkongsian pengetahuan. Pengumpulan data bukan sahaja penting untuk penambahbaikan dapat dilakukan secara berterusan malah ia juga amat kritikal dalam menjamin kualiti pengurusan maklumat serta pembangunan sendiri pelajar FSR.

Pengukuran pencapaian PdP yang digunakan oleh FSR adalah merangkumi; SuFO untuk mengukur peratusan pencapaian prestasi pelbagai aspek PdP iaitu keseluruhan kursus, aktiviti PdP dan infrastruktur, Entrance_Exit Survey untuk mengukur skala persepsi pencapaian CLO, PROPENS, TESA dan TEX untuk mengukur pencapaian peratusan analisa sendiri (Self review) secara kolektif 360 degree, CDL-CQI untuk mengukur skala pencapaian prestasi kursus, MyATP untuk staf akademik mengukur peratusan pencapaian staf akademik yang merangkumi pemetaan ATP-LNPT dinilai setiap hujung tahun dengan penilaian komprehensif merangkumi aspek kesarjanaan akademia iaitu pencapaian pengajaran, penyeliaan, penyelidikan, penerbitan, inovasi, perundingan, pentadbiran dan perkhidmatan serta laporan audit luar dan dalam untuk mengukur aspek pematuhan proses.

Pengukuran keberkesanan program akademik FSR dilaksanakan melalui semakan kurikulum komprehensif setiap 3 ke 5 tahun sekali. Kriteria semakan merangkumi kajian pasaran, analisis pencapaian OBE, PEO-PLO dan analisis IDSPA. Pendekatan pengukuran komprehensif dari semua aspek tujuan memantapkan bidang tumpuan FSR dalam PdP. Program akademik yang ditawarkan di FSR kekal relevan, berkualiti, diiktiraf dan selari n keperluan semasa.

SENARAI BUKTI:

1. [F0047_A01_AB02_20241_Item Pengukuran Pencapaian Bidang Tumpuan P&P.pdf](#)
2. [F0047_A01_AB02_20242_TESA - 20234.pdf](#)
3. [F0047_A01_AB02_20243_CDL-CQI SR 20232 - FINAL \(2\).pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengukuran sistem utama FSR telah dijalankan secara berterusan. Data dikumpul dan dianalisa mengikut kekerapan dan tempoh masa yang telah ditetapkan. Analisa data yang telah dijalankan dan cadangan penambahbaikan berterusan dimaklumkan kepada semua bahagian di FSR. Maklumbalas dan penambahbaikan untuk setiap sumber pengukuran telah dikenalpasti untuk meningkatkan prestasi pensyarah dan pelajar.

Tumpuan kepada pelajar diukur dengan mengambil kira peratusan pelajar yang bergraduasi tepat masa (GOT) melebihi 60% dan peratusan pelajar yang mendapat CGPA 3.5 keatas melebihi 66%.

Untuk setiap semester, pensyarah diukur dan dinilai melalui rekod laporan SuFO dimana FSR mendapat markah purata 90%. Pelajar mengukur kualiti pengajaran dan keberkesanan kursus berdasarkan beberapa kriteria seperti kaedah pengajaran, penyampaian kandungan, dan interaksi pensyarah dan pelajar. Penambahbaikan dibuat untuk mengelakkan isu yang sama muncul pada semester berikutnya. Selain itu pensyarah juga dilantik sebagai penasihat akademik untuk membantu pelajar dibawah selian mereka.

Data dan analisis yang dikumpulkan adalah asas kepada penambahbaikan berterusan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran, selaras dengan komitmen UiTM untuk mencapai kecemerlangan akademik.

SENARAI BUKTI :

1. [F0047_A01_AB03_20241_SuFO - 20232 \(1\).pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan dilaksanakan secara berkala dan digunakan oleh Pengurusan tertinggi melalui Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF), Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) dan Mesyuarat Pengurusan Tertinggi FSR untuk memantau dan menyemak semula prestasi sasaran pencapaian bidang tumpuan berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama yang telah ditetapkan. Bilangan pelajar FSR yang berjaya bergraduasi (dengan sijil, Anugerah Dekan dan Anugerah Naib Cancellor) dipantau setiap semester dan diartikan bersama dengan hasil pemantauan PdP yang lain. Antara pemantauan yang dilaksanakan di FSR adalah “the Loop – Continuous Quality Improvement (CDL-CQI)” di mana beberapa isu kritikal telah dikenalpasti. FSR juga berusaha menyediakan Massive Open Online Courses (MOOC) dan pelbagai aspek pembangunan kursus MOOC juga dipantau setiap tahun. Selain daripada EES, maklum balas pelajar terhadap setiap kursus yang didaftarkan juga diteliti untuk pemantauan kualiti PdP melalui Student Feedback Online (SuFO). Analisis menunjukkan purata markah yang diperolehi adalah 90%. Hasil penilaian SuFO yang baik ini juga telah menunjukkan bahawa proses PdP yang mula sepenuhnya dijalankan secara F2F semula telah mendapat maklum balas yang baik dari pelajar. Kualiti PdP juga dipantau melalui Pemantauan Profesionalisme Pensyarah (PROPENS) dan Teaching Self Evaluation (TESA). Hasil penilaian PROPENS telah menunjukkan pelaksanaan aktiviti PdP telah diperkuatkan dengan profesionalisme pensyarah-pensyarah di FSR yang berada pada tahap yang baik. Purata skor TEX yang diperolehi adalah 88% (Baik) dan markah ini merupakan satu indikator yang sah bagi penilaian tahap keberkesanan aktiviti PdP di FSR. FSR juga menjalankan penilaian pengajaran dan beberapa amalan terbaik telahpun dikenalpasti bagi penambahbaikan prestasi dalam proses PdP di FSR. Dalam usaha untuk melahirkan graduan FSR yang profesional, dinamik, berdaya saing, berketerampilan, dan serta mampu mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran melalui objektif dan inisiatif dalam pengajaran dan pembelajaran, prestasi FSR di persada global juga dipantau berterusan melalui skor yang diperolehi dalam World University Rankings by Subject (Sports-Related Subjects) dan perbandingan prestasi FSR dengan institusi lain dalam dan luar negara membolehkan amalan yang berjaya mencapai sasaran dikenalpasti dan diperkembangkan manakala amalan yang tidak mencapai sasaran akan diperbaiki berdasarkan penambahbaikan berterusan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0047_A01_AB04_AC01_20241_TESA - 20234.pdf](#)
2. [F0047_A01_AB04_AC01_20242_CDLCQI SR 20232 - FINAL \(2\).pdf](#)
3. [F0047_A01_AB04_AC01_20243_Templat Pelaporan Teaching Effectiveness Index Kepada PejTNC/ 20232 \(1\).pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Mengenalpasti risiko secara holistik merupakan cabaran besar tadbir urus FSR dalam setiap perancangan bidang PdP tetapi pengurusan risiko secara berkesan akan membantu memacu FSR ke aras yang lebih tinggi. Hasil daripada penilaian pengajaran 360 dan analisa data daripada pemantauan kualiti PdP seperti SuFO, TESA, TEX dan PROPENS, berikut merupakan antara risiko yang telah dikenalpasti dalam bidang tumpuan PdP

1. Pelajar mendapat keputusan penilaian kursus bertahap rendah dan sederhana menunjukkan masih terdapat peluang penambahbaikan dalam pelaksanaan aktiviti PdP.
2. Masih terdapat kursus-kursus yang dimana aktiviti PdP-nya dijalankan dalam keadaan 'under strength' disebabkan faktor kelengkapan peralatan PdP lama yang tidak dikemaskini atas kekangan bajet.
3. Keadaan dan suasana kelas yang usang diambilkira sebagai salah satu faktor yang melemahkan pelaksanaan aktiviti PdP.
4. Kekurangan bilik kuliah yang mampu menampung jumlah pelajar yang besar untuk menjalankan sesi PdP secara 'mass-lecture' juga diambilkira sebagai salah satu risiko yang memungkinkan prestasi pensyarah boleh terjejas atas faktor 'fatigue' dalam menjalankan proses PdP yang sama berulang-ulang kali bersama kumpulan pelajar yang berlainan di dalam bilik kuliah yang kecil.

Risiko yang telah dikenalpasti ini membolehkan pihak Pengurusan Kanan FSR merancang tindakan pencegahan dan penambaaian seperti yang dihuraikan dalam bahagian 4.4.3. Selain daripada itu, Jawatan kuasa Pengurusan Risiko FSR telah di wujudkan dan berperanan dalam mengawalselia aspek risiko berkaitan operasi, keselamatan, kesihatan pekerjaan dan kebajikan . Jawatankuasa ini juga berperanan dalam melaksana setiap proses kerja dengan memastikan setiap operasi yang dijalankan mencapai piawaian yang ditetapkan serta mengurangkan risiko ketidakpatuhan dan tersasar dari KPI.

SENARAI BUKTI :

1. [F0047_A01_AB04_AC02_20241_JK PEMILIK RISIKO FSR 2023.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan Kanan FSR sangat prihatin terhadap risiko-risiko yang mungkin timbul dan telah mengambil langkah proaktif dalam pengurusan risiko untuk memperkukuh tadbir urus, khususnya di Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA). Ini bertujuan memastikan FSR sentiasa bersedia menghadapi sebarang kemungkinan yang tidak diingini. Beberapa tindakan pencegahan dan cadangan penambahbaikan berterusan telah dilaksanakan untuk mencapai tujuan ini adalah seperti berikut:

1. Memastikan peningkatan jumlah pensyarah yang menghantar pelaporan berkaitan CDL-CQI untuk setiap kursus.
2. Mengenalpasti komponen yang menyumbang secara langsung terhadap keputusan penilaian kursus bertahap rendah.
3. Mendapatkan bajet dan dana daripada sumber-sumber yang berkenaan bagi menambahbaik kelengkapan aktiviti PdP untuk kursus-kursus berkeperluan.
4. Membuat perancangan jangka masa panjang untuk menyediakan ruang kuliah yang lebih kondusif untuk aktiviti PdP yang lebih selesa untuk pelajar dan pensyarah.
5. Menyusun strategi untuk mendapatkan ruang kuliah yang mampu untuk digunakan dalam '*mass-lecture*' melalui analisa ruang kuliah dan analisa jadual waktu PdP untuk semester hadapan.
6. Meningkatkan lagi aktiviti PdP collaborative teaching bersama panel pakar dari industri/universiti luar/antarabangsa.
7. Mengadakan program perkongsian *Best Practice* pensyarah FSR dan jemputan luar.
8. Pelaksanaan *Collaborative Teaching* bersama pensyarah luar, LIC, industri dan komuniti .

Hasil analisa dan tindakan yang diambil untuk penambahbaikan prestasi dikongsi dengan warga FSR melalui emel rasmi. Selain daripada mesyuarat fakulti, Pengurusan Kanan FSR juga berkongsi maklumat dari semasa ke semasa melalui kumpulan WhatsApp supaya warga FSR dapat ambil maklum tentang perkembangan terkini.

SENARAI BUKTI :

1. [F0047_A01_AB04_AC03_20241_Whatsapp groups.pdf](#)
2. [F0047_A01_AB04_AC03_20242_pakar.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Berdasarkan penganalisaan data yang telah diperoleh, dalam usaha memastikan FSR berada pada landasan yang tepat dalam bidang tumpuan PdP, beberapa langkah proaktif telah dirangka bagi proses pemurnian dan penambahbaikan berterusan yang melibatkan pakar-pakar dalam bidang sains sukan dan rekreasi dari Institusi Pengajian dalam dan luar negara serta dari industri-industri yang berkaitan. Antara strategi berasaskan nilai ESI (Excellence, Synergy, Integrity) yang diambil untuk memastikan hasil capaian bidang PdP adalah berkualiti dan berimpak tinggi serta bermanfaat kepada pelajar, FSR, UiTM, dan komuniti adalah seperti berikut :-

1. Meningkatkan lagi aktiviti PdP collaborative teaching bersama panel pakar dari industri/universiti luar/antarabangsa.
2. Mengadakan program perkongsian *Best Practice* pensyarah FSR dan jemputan luar.
3. Pelaksanaan *Collaborative Teaching* bersama pensyarah luar, LIC, industri dan komuniti.

Selain daripada itu, FSR juga giat menjalankan projek PdP yang melibatkan komuniti luar melalui SULAM . Projek community engagement yang dijalankan memberi peluang kepada pelajar FSR menimba pengalaman dan mengasah kemahiran yang dipelajari dalam bilik kuliah. Komuniti yang terlibat turut mendapat manfaat hasil daripada pengkongsian ilmu dan kepakaran daripada pensyarah FSR yang terlibat. Perancangan dan pelaksanaan PdP yang telah dilaksanakan berfokus pada pencapaian holistik pelajar dan pemantapan profesionalisma pensyarah FSR sejajar dengan keperluan akreditasi dan kehendak pasaran semasa.

SENARAI BUKTI :

1. [F0047_A01_AB05_20241_CGCT.pdf](#)
2. [F0047_A01_AB05_20242_CE_poster.pdf](#)
3. [F0047_A01_AB05_20243_CE_registration.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

FSR cekap dalam memperkasakan pengurusan sumber manusia yang kompeten dan holistik. Komponen utama tenaga kerja FSR dalam PdP terdiri daripada staf akademik dan staf pentadbiran telah memperkukuh tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan akademik. Dalam mencapai kecemerlangan PdP, proses menggunakan sumber manusia FSR termasuk perancangan (Plan), pelaksanaan (Do), pemantauan (Check) dan tindakan penambahbaikan (Act) telah giat dilaksanakan.

Secara ringkasnya, perancangan tenaga kerja di FSR telah dilaksanakan melalui pendekatan berdasarkan SAP. FSR menggalakan tenaga kerja menjadi ahli profesional yang berdaftar dengan persatuan dan badan profesional berkaitan. Pendekatan ini telah mengangkat nilai prestasi tenaga kerja FSR yang menjadi sumber pakar rujuk selain mempertingkatkan keserjanaan akademik. FSR juga menyokong penuh kecemerlangan bakat melalui penyertaan warga kerjanya dalam kursus-kursus pensijilan profesional diiktiraf yang berimpak tinggi. FSR melaksanakan pelbagai kaedah pengurusan sumber manusia melalui ekosistem yang kondusif dan tadbir urus yang efektif dan efisien dalam mencapai dan melestarikan kecemerlangan akademik. Selain itu FSR mengamalkan pengagihan kerja mengikut fungsi dan unit yang disusun, serta dibahagikan secara terperinci mengikut skop tugas dan tanggungjawab. Warga kerja FSR juga merupakan nadi penggerak bagi setiap inisiatif strategik dalam mencapai KPI tahunan yang telah ditetapkan.

Pengetahuan dan kepakaran para akademik dan kakitangan sokongan FSR turut memainkan peranan yang sangat penting dalam memacu kecemerlangan akademik di FSR. FSR sentiasa menjadikan perancangan strategik UiTM dan Objektif Kualiti FSR sebagai penanda aras dalam mewujudkan pelan perancangan dan strategik yang komprehensif dan dinamik, penyediaan program pengajaran yang berkualiti, inovatif serta memenuhi kehendak pasaran industri dan pelanggan. Disamping itu, FSR juga turut menjayakan dalam peningkatan kemahiran dan ilmu pengetahuan para pensyarah yang berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran berterusan serta meningkatkan kreativiti kakitangan sokongan melalui program pembangunan sumber manusia. Segala usaha ini dihasilkan adalah untuk pembangunan akademik, kerjaya dan kepimpinan serta peningkatan integriti dan pewujudan budaya organisasi yang cemerlang serta mengekalkan tenaga kerja terbaik melalui program pengiktirafan dan penghargaan.

Pemantauan dan pengurusan risiko dalam melihat tahap kepuasan hati pelanggan dan aduan sumber manusia terhadap persekitaran dan sistem kerja di ambil perhatian agar objektif yang telah dirancang mencapai sasaran. FSR sentiasa menjadikan amalan penambahbaikan dalam tindakan pengurusan sumber manusia. FSR juga berusaha untuk memupuk semangat kerjasama di kalangan staf melalui inovasi yang terhasil serta penerapan budaya amalan yang baik. Secara keseluruhannya, setiap daripada portfolio jawatan sumber manusia di FSR secara langsung dan tidak langsung menyumbang kepada kejayaan dan keberkesanan program akademik dan sukan di FSR.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

FSR mempunyai dua teras bidang pengajian iaitu Sains Sukan dan Pengurusan Sukan yang terdiri daripada enam program pengajian di peringkat Diploma dan Sarjana Muda. Bidang teras tersebut adalah untuk memenuhi keperluan industri sukan dan badan profesional pada masa kini. Bahagian Hal Ehwal Akademik dibantu oleh 16 kakitangan akademik yang terdiri daripada Ketua Pusat Pengajian, Koordinator dan Penyelaras serta 13 kakitangan pentadbiran bagi memastikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan jayanya mengikut misi dan visi universiti. Berikut adalah carta organisasi FSR (khusus kepada akademik) pada tahun 2023. Dalam memantau aktiviti setiap program pengajian, Pentadbir Akademik (Ketua Pusat Pengajian, Koordinator dan Penyelaras) telah dilantik bagi memastikan sasaran program yang telah direncanakan berjalan dengan lancar.

Dalam menguruskan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penglibatan seluruh warga FSR yang terdiri dari pelbagai latar belakang pendidikan dan sijil profesional sangat dititikberatkan bagi memastikan sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Objektif Kualiti FSR yang dirangka tercapai.

FSR menyediakan ruang dan peluang yang sama kepada warga Fakulti dalam mengikut latihan/ menghadiri kursus, bengkel, seminar/ penganjuran konferensi dalam dan luar negara untuk meningkatkan kepakaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Disamping itu, ianya juga dapat meningkatkan kemahiran, kecekapan dan memperluaskan pengetahuan mengikut bidang masing-masing. Senarai latihan ini diberikan kepada staf akademik dan pentadbiran di FSR yang dirangka mengikut keperluan dalam bidang kerja masing-masing yang dikhususkan kepada bidang tumpuan pengajaran dan pembelajaran.

FSR sentiasa percaya dengan amalan budaya memberi penghargaan dan pengiktirafan tanpa mengeneipkan elemen akauntabiliti dan integriti. FSR turut membudayakan amalan meraikan warga Fakulti yang telah mendapat kenaikan pangkat, bersara, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Anugerah Khidmat Setia, penghargaan kepada warga Fakulti dalam Majlis Kecemerlangan Akademik. Majlis keraian ini dianjurkan bertujuan mengeratkan hubungan silaturrahim, penghargaan, pengiktirafan dan meningkatkan motivasi setiap warga kerja untuk lebih cemerlang.

SENARAI BUKTI:

1. [F0047_S01_SB02_20241_c organisasi FSR dan HEA_Prof Madya Dr Raja Moahammed Firhad.pdf](#)
2. [F0047_S01_SB02_20242_Staf FSR dan pendidikan staf akademik 2023.pdf](#)
3. [F0047_S01_SB02_20243_SENARAI KELAYAKAN PROFESIONAL STAF FSR 2023.pdf](#)
4. [F0047_S01_SB02_20244_Anugerah Kecemerlangan FSR 2023.pdf](#)
- 5.

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

FSR didokong oleh staf akademik yang menjadi tulang belakang kepada setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan penglibatan yang optima dan sokongan yang mantap dari Pengurusan Fakulti. Pihak pengurusan FSR telah menyusun struktur organisasi Bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA) bagi memastikan kelancaran pelaksanaan pengoperasian akademik dan kurikulum. FSR juga melantik staf akademik bagi menggerakkan pengurusan akademik seperti mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman sebagai Penasihat Akademik, Penyelia, Fasilitator, dan Penilai Projek tahun akhir pelajar.

Selain itu, kepakaran FSR menjadi rujukan utama kepada universiti awam dan swasta di dalam dan di luar negara dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran seiring dengan slogan UiTM "Universiti Terkemuka Dunia". Pelantikan pensyarah FSR sebagai ahli profesional Sports Management and Administration Association of Malaysia (SMAM), dan Asia Pasific of Institute for Event Management (APIEM) telah membuktikan kecemerlangan dan pengiktirafan kepakaran staf akademik FSR di peringkat antarabangsa.

Kerjasama dengan badan-badan profesional seperti APIEM, Malaysian Exercise and Sports Science Association (MESSA) dan Persatuan Perubatan Sukan Malaysia dapat mengetengahkan kualiti kepakaran dan pengalaman staf FSR dalam memacu organisasi bagi mencapai matlamat dan KPI.

Dalam mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia, FSR sentiasa menyokong staf akademik untuk menjalankan kerja-kerja pengajaran, penyelidikan dan perundingan. Ini terbukti dengan bengkel/ program/ mesyuarat yang dilaksanakan oleh FSR sebagai usaha meningkatkan kompetensi dan memperluaskan misi serta objektif kualiti FSR kepada semua staf di FSR dalam menjayakan bidang tumpuan Pengajaran dan Pembelajaran.

Sebagai sebuah pusat tadbir urus yang bertanggungjawab merancang dan melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran, FSR komited dalam mengadakan kolaborasi bersama universiti awam dan swasta melalui persefahaman memorandum dan lawatan delegasi yang membuka peluang kerjasama dalam pelbagai aktiviti akademik. Selain itu, laman sesawang FSR dan laman facebook yang dibina mampu menyalurkan maklumat terkini mengenai program pengajian di FSR dan memberi ruang kepada para pelajar dan ibu bapa dalam mendapatkan info-info terkini dan memberi maklumbalas dalam membantu meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Melalui aktiviti, program dan saluran media massa ini dapat menyokong teras fungsi fakulti iaitu pengajaran, penyelidikan dan khidmat profesional.

SENARAI BUKTI :

1. [F0047_S01_SB03_20241_c organisasi FSR dan HEA_Prof Madya Dr Raja Moahammed Firhad.pdf](#)
2. [F0047_S01_SB03_20242_surat pelantikan SV_Cik Maizan.pdf](#)
3. [F0047_S01_SB03_20243_Pengiktirafan.pdf](#)
4. [F0047_S01_SB03_20244_Minit JKAPS dan JAF.pdf](#)
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

FSR sentiasa mengamal dan menerapkan budaya komunikasi yang berkesan dalam organisasi. Bagi menggalakkan keharmonian bekerja dan berkomunikasi, pendapat dan komen daripada staf pentadbiran dan akademik disalurkan samada melalui komunikasi dua hala secara terbuka, penggunaan email dan whatsapp. Pada masa sama warga fakulti juga boleh memberi maklum balas atau respon terhadap maklumat yang diberikan. Kaedah ini sangat berkesan dalam menyampaikan maklumat yang tepat dan terkini dalam meningkatkan pencapaian pengajaran dan pembelajaran ke arah yang lebih cemerlang.

Dari aspek tahap kepuasan hati pelanggan, markah Happiness Index (HI) untuk keseluruhan FSR bagi tahun 2023 adalah **76%** berbanding pada tahun 2020 iaitu **77%**. Ini adalah berdasarkan Laporan Infografik UiTM Happiness index 5.0 menunjukkan peningkatan indeks kegembiraan FSR terhadap emosi positif, keterlibatan, hubungan makna, pencapaian dan infrastruktur. Kejayaan ini adalah kerana setiap aktiviti yang dirangka oleh FSR sentiasa memastikan keperluan dan memenuhi kepuasan hati warga fakulti seperti program-program yang digerakkan oleh Kelab Keluarga FSR.

Statistik enrolmen pelajar Diploma dan Sarjana Muda yang menunjukkan penambahan pada tahun 2022 memberi indikator terhadap kejayaan FSR dalam mencapai dan memenuhi kehendak objektif kualiti FSR 2021-2025, Selain itu, ia juga sebagai penunjuk kepada kepuasan hati berkenaan sistem organisasi, kemahiran serta kepakaran kerja di FSR.

Selain itu, maklum balas pelanggan melalui soal selidik yang merangkumi perkhidmatan di kaunter, perkhidmatan dalam talian, perkhidmatan infrastruktur dan bangunan menunjukkan skala kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh pengguna kepada staf adalah pada tahap sangat berpuashati. Selain itu, skala kualiti layanan yang diberikan oleh pengguna kepada staf FSR juga adalah pada tahap sangat berpuashati.

SENARAI BUKTI:

1. [F0047_S01_SB04_SC01_20241_Happiness Index FSR 2023.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko merupakan salah satu aspek pengurusan dalam memastikan kualiti kepuasan hati pelanggan sentiasa terjaga. Pengurusan risiko serta bencana perlu diuruskan dengan sistematik. Oleh itu, sistem pengurusan risiko di FSR telah diberi keutamaan dari segi penambahbaikan dan pemantapan dalam mengatasi isu-isu sumber manusia. Proses pengurusan risiko yang komprehensif dan sistematik melalui tiga proses utama iaitu mengenalpasti, menilai dan mengurus risiko. Ini bagi memastikan keberhasilan penyampaian perkhidmatan sumber manusia dan mengurangkan impak risiko dengan pelan mitigasi yang berkesan.

Risiko utama yang dihadapi kepada sumber manusia yang tertumpu kepada bidang pengajaran dan pembelajaran adalah sebahagian pensyarah tidak menyediakan Fail Kursus (Course File) bagi subjek yang diajar dan menyebabkan pensyarah tidak mematuhi modul pengajaran dan pembelajaran yang telah ditetapkan dalam CQL. Selain itu, terdapat juga beberapa pensyarah yang tidak merujuk modul pengajaran dan pembelajaran yang terkini. Mereka masih menggunakan buku-buku rujukan yang lama dan tidak mengikut arus pengajaran sukan dan akademik yang terkini. Inisiatif dan dapatan daripada Audit Dalam FSR yang telah dilaksanakan pada 13-15 Disember 2022, telah memaklumkan mengenai isu Fail Kursus (Course File). Di samping itu, kekangan ruang pengajaran dan pembelajaran seperti Bilik Kuliah/ Dewan Kuliah yang sedia ada tidak dapat menampung kapasiti bilangan pelajar. Pihak Fakulti telah mengambil inisiatif dengan mendapatkan tambahan Bilik Kuliah/ Dewan Kuliah dari Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP) untuk menampung kekangan ruang pengajaran dan pembelajaran.

Fakulti ditubuhkan pada tahun 1995 dan sehingga ke hari ini, masih menggunakan fasiliti sedia ada. Peralatan bagi kegunaan pengajaran dan pembelajaran masih digunakan walaupun kelihatan lama dan usang. Fakulti telah mengambil langkah menyelenggara peralatan secara berkala. Pada masa yang sama, peralatan yang rosak dan tidak boleh digunakan akan dilupus dan cadangan pembelian peralatan baharu dimajukan bagi menggantikan peralatan yang lama dan usang.

Pelan pengurusan risiko yang holistik dan mampan dapat dilihat menerusi pelaksanaan daftar risiko, mesyuarat pengurusan risiko, perlantikan jawatankuasa penilaian sumber manusia dalam bidang tumpuan PdP serta dapatan-dapatan risiko yang dikomngsikan dalam SAP bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan akademik SR.

SENARAI BUKTI :

1. [F0047_S01_SB04_SC02_20241_Senarai kapasiti dan fasiliti bilik di fakulti.pdf](#)
2. [F0047_S01_SB04_SC02_20242_Pembelian peralatan PdP dan penambahbaikan fasiliti.pdf](#)
3. [F0047_S01_SB04_SC02_20243_AJK Pengurusan Risiko dan surat lantikan.pdf](#)
- 4.
- 5.

5.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Mengkaji semula dan tindakan penambahbaikan dalam pengurusan sumber manusia adalah merupakan proses penting bagi memastikan aspek-aspek berkaitan dijalankan secara cekap dan berkesan. FSR sentiasa proaktif dalam memastikan penilaian semula strategi, amalan dan prosedur pengurusan sumber manusia bagi proses PdP. Tumpuan kepada mengkaji semula dan tindakan penambahbaikan utama dibincangkan dalam MKSP yang melibatkan kepimpinan kanan FSR, KPP dan KP. Tindakan pembetulan dan penambahbaikan ini kemudiannya dikongsi kepada warga FSR bagi memastikan semua warga kerja memahami tindakan yang wajar diambil perhatian.

Dalam menaikkan kompetensi global sebagai Globally Marketable university, FSR sentiasa optimis memperkasa warga kerja dengan mengoptimum sumber manusia sedia ada dengan memastikan komposisi pensyarah dan staf tidak menjejaskan penyampaian perkhidmatan akademik kepada pelanggan utama FSR iaitu pelajar dan pemegang taruh. FSR juga cekap dalam menongkah arus digitalisasi melalui pembudayaan perkhidmatan akademik secara digital dan turut memperkukuh penyampaian perkhidmatan sokongan (ancillary services) akademik melalui penggunaan teknologi. Aktiviti perkongsian pengetahuan dan kepakaran disampaikan melalui webinar serta perkhidmatan sokongan akademik turut dijalankan secara atas talian samada menggunakan sistem yang dibekalkan oleh UiTM.

FSR memberi penekanan kepada persekitaran dan sistem kerja yang kondusif bagi mengalakkan aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran berjalan dengan lancar. Suasana persekitaran kerja yang selesa secara tidak langsung membantu kelancaran tugas di Fakulti terutama aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran. Fakulti telah mengamalkan sistem-sistem akademik untuk mewujudkan persekitaran kerja yang efisien dan pada masa yang sama mengukuhkan kerjasama antara staf. .

FSR turut menyediakan QR code Maklumbalas Pelanggan dan Cadangan/ Aduan untuk mendapatkan maklumbalas berkaitan perkhidmatan yang disediakan oleh FSR dan memberikan platform yang mudah kepada pengguna (pelajar / staf) untuk mengemukakan aduan serta cadangan. Selain itu, Sistem E-aduan juga merupakan salah satu kelaziman di FSR dalam menyampaikan aduan berkaitan fasiliti. **Rajah 5.9** menunjukkan lampiran senarai aduan di FSR melalui sistem e-aduan bagi tahun 2023.

SENARAI BUKTI :

1. [F0047_S01_SB04_SC03_20241_Senarai sistem yang mengukuhkan persekitaran kerja di FSR.pdf](#)
2. [F0047_S01_SB04_SC03_20242_Minit Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan Bil 12022 dated 31 Januari 2023.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

FSR sentiasa memastikan setiap staf diberi peluang untuk meningkatkan kompetensi dan menggalakkan penglibatan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran pada tahap yang optimum. Pembudayaan inovasi dalam bidang pengajaran dan pembelajaran sangat ditekankan oleh Fakulti untuk memudahkan operasi dan pengurusan akademik dan sebagai media komunikasi antara pengurusan dengan staf serta mengukur tahap kompetensi.

Penglibatan pensyarah dan pelajar dalam pelbagai pertandingan inovasi dalam bidang pengajaran dan pembelajaran di peringkat antarabangsa dan kebangsaan menunjukkan kebolehan pensyarah dan pelajar dalam menghasilkan inovasi dalam pembelajaran.

Pembudayaan dalam menerapkan nilai-nilai ESI iDART turut diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran dikalangan warga Fakulti. ESI iDART menekankan tiga nilai bersama organisasi iaitu (*Excellence, Synergy, Integrity*) yang merupakan intipati utama dalam membuat keputusan dan tindakan. Manakala iDART adalah nilai asas (Ilmu, Disiplin, Amanah, Rajin, Tanggungjawab) yang perlu dihayati dan diamalkan dalam diri setiap warga Fakulti.

Penghargaan dan pengiktirafan kepada sumber manusia adalah berdasarkan prestasi kerja warga Fakulti terutama staf Akademik diukur melalui tiga kriteria iaitu Pengajaran dan penyeliaan, Penyelidikan dan Kepimpinan akademik. Berdasarkan kriteria tersebut pencapaian staf akademik dinilai melalui markah prestasi tahunan melalui sistem MyATP dan dijadikan sebagai rujukan untuk menunjukkan sama ada prestasi tenaga kerja berada ditahap yang memuaskan, baik atau tidak memuaskan. Manakala, staf pentadbiran dinilai melalui keupayaan di dalam melaksanakan sistem Fakulti bagi mencapai visi dan misi Fakulti. Insentif kepada staf diberikan seperti anugerah, surat dan sijil penghargaan adalah bertujuan untuk membangunkan kemahiran dan motivasi bagi mencapai prestasi yang ditetapkan. Amalan budaya memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada warga Fakulti diraikan melalui Kelab Keluarga FSR, ucapan penghargaan di media sosial rasmi dan laman sesawang FSR.

SENARAI BUKTI :

1. [F0047_S01_SB05_20241_LAPORAN PROGRAM GOTONG ROYONG FSR 2023.pdf](#)
2. [F0047_S01_SB05_20242_LAPORAN MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN FSR.pdf](#)
3. [F0047_S01_SB05_20243_eCERT_GOLD_-_EI15.pdf](#)
- 4.
- 5.

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

FSR beroperasi dalam satu ekosistem yang komprehensif dengan penghayatan kepada budaya kerja cemerlang, berkualiti dan berimpak tinggi kepada semua pemegang taruh. Bagi mendukung agenda transformasi UiTM menjadi universiti bertaraf global dalam bidang sains, teknologi, kemanusiaan dan keusahawanan dalam masa tempoh lima tahun, direalisasikan menerusi rangka kerja pelan strategik UiTM 2025.

FSR merangka operasi sistem kerja dengan menggunakan model PDCA. Perancangan (Plan) operasi PdP di FSR dilakukan dengan mengambilkira silibus yang terkini dan relevan, memenuhi keperluan pelajar kini, pensyarah yang kompeten dan dibantu oleh pentadbiran yang cekap. Pelbagai sumber daripada dasar, pekeliling, peraturan dan manual UiTM dirujuk untuk memastikan kelancaran proses PdP di FSR. FSR telah mengambil pendekatan yang amat bersepadu dan progresif terhadap aspek PdP dalam usahanya untuk menghasilkan graduan yang berdaya saing dan berintegriti. FSR dengan tegas menitikberatkan aspek PdP yang holistik, yang bermakna tidak hanya memberi tumpuan kepada pemindahan pengetahuan semata-mata, tetapi juga kepada pembangunan keseluruhan individu dalam pelbagai aspek kehidupan.

Pelaksanaan (Do) PdP di FSR dijalankan secara sistematik melalui kaedah yang sesuai, efektif dan terancang berserta persekitaran pembelajaran yang kondusif untuk menghasilkan graduan yang berkualiti. Selain itu proses kerja di FSR juga merangkumi kepatuhan pelaksanaan sistem kualiti kerja, kawalan kos pengoperasian serta pengurusan risiko. Pelaksanaan operasi FSR adalah berpandukan pelbagai pekeliling dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh universiti.

Seterusnya proses Pemantauan (Check) dalam pengoperasian PdP FSR dapat dilihat dengan sistem semak dan imbang melalui mesyuarat MPT, JKAPS, JAF, dan MKSP untuk memastikan perancangan dan pelaksanaan cadangan penambahbaikan dilakukan Pemantauan akademik dilaksanakan melalui EES, SuFO, PROPENS, TESA, TEX, COPPA (CDL-CQI) dan semakan kurikulum. BHEA FSR bertanggungjawab dalam memastikan pencapaian kepada pendidikan berkualiti. Dengan pelbagai kaedah pemantauan ini PdP di FSR sentiasa ditambah baik dari semasa ke semasa.

Proses terakhir dalam kitaran PDCA pengoperasian PdP ialah Tindakan Penambahbaikan (Act), FSR terus komited dalam memastikan sinergi yang mantap antara semua warga FSR untuk operasi yang berkesan. Dapatan data dari Kaji selidik yang dijalankan kepada pelajar telah diambil tindakan untuk memperbaiki proses PdP di FSR.

Secara keseluruhan, pendekatan holistik dan penekanan terhadap relevansi industri yang diambil oleh FSR membuktikan komitmen mereka yang teguh terhadap pembangunan holistik dan profesionalisme pelajar. Ini bukan sahaja memberi manfaat kepada individu, tetapi juga kepada masyarakat dan industri. FSR memainkan peranan penting dalam melahirkan graduan yang bukan sahaja mahir dalam bidang sains sukan dan rekreasi, tetapi juga individu yang berdaya saing, seimbang, dan siap untuk mencapai kecemerlangan dalam pelbagai bidang kehidupan.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Bagi memenuhi aspirasi GRU2025 UiTM, pemeraksanaan PdP ditekankan melalui pengembangan kurikulum yang holistik. Proses PdP di FSR adalah terbahagi kepada dua proses utama iaitu proses di peringkat BHEA di bawah pimpinan TDA dan proses di peringkat pentadbiran fakulti dibawah pimpinan Timbalan Pendaftar Pentadbiran. Kedua-dua proses berjalan selari dalam memastikan perjalanan PdP berjalan lancar. Keberkesanan setiap proses kerja menjadi keutamaan dan pelbagai jawatankuasa telah diwujudkan untuk mencapai KPI yang telah ditetapkan berkaitan PdP. Dasar, peraturan, garis panduan dan manual UiTM dirujuk sebagai panduan untuk memastikan kelancaran proses PdP di FSR. Kesemua proses dijalankan mengikut Prosedur Operasi dan Manual Kualiti FSR.

Bagi menjamin kualiti program akademik yang ditawarkan kekal relevan, kesemua program di FSR adalah mendapat status akreditasi penuh daripada MQA. Program-program FSR juga mematuhi tarikh semakan kurikulum program dimana tiga ke lima tahun sekali, kurikulum akan di semak semula dan patuh kepada audit pematuhan MQA. Pengembangan kurikulum turut diperkasakan melalui penawaran program sedia ada dari peringkat diploma, sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah.

Pelaksanaan kurikulum holistik disokong oleh pendekatan pengurusan PdP yang sistematik, meliputi proses PdP, penilaian, dan pentaksiran pelajar. Dalam proses PdP, silibus kurikulum distrukturkan berdasarkan OBE, di mana pencapaian hasil pembelajaran melibatkan pembangunan Program Educational Objective, Program Learning Outcome, dan Course Learning Outcome. FSR memastikan hasil pembelajaran yang dicapai selaras dengan domain pengetahuan dan kemahiran yang ditetapkan dalam 11 Domain Hasil Pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia.

Proses pentaksiran dan penilaian akademik pelajar, Structured Assessment Mechanism (SAM) digunakan bagi menyediakan mekanisme yang berstruktur dan jelas selaras dengan Polisi Pentaksiran dan penilaian Akademik UiTM 2021. Penilaian dilakukan menerusi formative and summative assessment bagi menilai pencapaian pelajar secara holistik. Instrumen penilaian disediakan oleh setiap pensyarah adalah berdasarkan JSU dan JSUB. Rubrik penilaian turut disediakan bagi memastikan ketelusan dan konsistensi penilaian untuk menjamin penilaian yang adil.

FSR memperkasakan pendaftaran subjek-subjek di bawah Collaborative Teaching melalui CIDL UiTM sebagai sebahagian daripada Sistem Pengajaran Kolaboratif yang diperkenalkan oleh UiTM. FSR juga memanfaatkan teknologi pendidikan seperti platform pembelajaran dalam talian, sumber pembelajaran digital, dan alat interaktif untuk menyokong pengajaran dan pembelajaran.

Demi menjaga kualiti berterusan FSR mengamalkan pemantauan dan penilaian berterusan terhadap pengajaran dan pembelajaran dengan mengambil maklum balas daripada pelajar dan pensyarah, serta melaksanakan perubahan jika perlu.

SENARAI BUKTI:

1. [F0047_O01_OB02_20241_PELAKSANAAN STRUCTURED ASSESSMENT MECHANISM \(SAM\) BAGI SEMESTER OKTOBER 2023.pdf](#)
2. [F0047_O01_OB02_20242_MANUAL KUALITI TERKINI 15FEB2023 \(SIGN\).pdf](#)
3. [F0047_O01_OB02_20243_PENGUNAAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN.pdf](#)
- 4.
- 5.

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

FSR memulakan proses penyediaan pengajaran yang berkualiti dengan mengenal pasti keperluan serta harapan pelajar. Kami juga memberi perhatian kepada perubahan dalam bidang pendidikan serta tuntutan industri yang semakin dinamik. Analisis ini membantu kami memahami aspirasi pelajar, menyelaraskan kurikulum dengan keperluan semasa, dan merancang strategi yang relevan serta sesuai dengan perkembangan semasa.

Pelan tindakan yang dilaksanakan bagi memantapkan proses pembangunan dan pengembangan kurikulum adalah melalui perlantikan JK iaitu AJK Semakan Kurikulum, AJK SRR dan AJK Akreditasi Program. FSR mengambil pendekatan progresif dengan merangka kurikulum yang selaras dengan tren terkini dan keperluan industri sains sukan dan rekreasi. Kurikulum kami tidak hanya menekankan aspek pengetahuan asas, tetapi juga menggabungkan kemahiran kritikal, kreatif, dan komunikasi yang esensial dalam dunia pekerjaan. Ini memastikan pelajar tidak hanya memahami konsep, tetapi juga mampu mengaplikasikan pengetahuan tersebut dengan bijak dalam situasi sebenar.

Proses pemerksaan PdP di FSR diperluaskan melalui perlantikan RP dan LiC di seluruh kampus FSR bagi menyelaraskan kurikulum FSR di seluruh cawangan FSR. Pekeliling Dekan dan TNCAA diedarkan keseluruh warga FSR bagi memastikan operasi PdP dilaksanakan mematuhi prosedur yang ditetapkan. Selanjutnya perancangan Keperluan Tenaga Pensyarah disediakan oleh Ketua Pusat Pengajian bagi agihan konteks syarahan. Manakala Kalender Akademik Jadual Waktu Kuliah diedarkan kepada pensyarah bagi merancang pelaksanaan kuliah melalui penyediaan Pelan Pengajaran (SOW).

Di FSR, kaedah pengajaran bukan sahaja memberi tumpuan kepada penggunaan tradisional. Kami menggalakkan penggunaan pelbagai pendekatan inovatif seperti teknologi pendidikan, kerjasama berpusatkan pelajar, projek berorientasikan aplikasi, kuliah interaktif, dan pengalaman praktikal. Ini memberi pelajar peluang untuk belajar secara aktif, mengembangkan kemahiran kolaboratif, dan mengaplikasikan pengetahuan dalam situasi nyata.

Teknologi memainkan peranan penting dalam pengajaran dan pembelajaran di FSR. Kami memanfaatkan platform pembelajaran dalam talian, sumber pembelajaran digital, dan alat interaktif untuk memperkayakan pengalaman pembelajaran. Pendekatan ini membantu pelajar mengakses maklumat dengan lebih mudah, melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran yang berinteraktif, dan mempersiapkan mereka untuk menghadapi dunia yang semakin digital.

FSR memastikan kelancaran dan kualiti pengajaran serta pembelajaran melalui pemantauan dan penilaian yang berterusan. Operasi penilaian dan pentaksiran pelajar dirancang dengan rapi melalui penyediaan Course Assessment Plan oleh RP dan diedarkan kepada LiC untuk maklumkan kepada pelajar. Maklum balas daripada pelajar dan pensyarah diambil kira untuk memperbaiki proses pembelajaran, dengan tindakan sewajarnya diambil apabila perlu. Setiap peluang dianggap sebagai langkah awal untuk peningkatan berterusan. Pemantauan berpandukan COPPA, Peraturan Akademik, Polisi Pentaksiran dan Penilaian Pelajar dan Garis Panduan Amalan Terbaik MQA. Pemantauan juga dilakukan melalui Mesyuarat Validasi Keputusan Peperiksaan Fakulti dan seterusnya di bentangkan untuk kelulusan di Mesyuarat JAF Khas Peperiksaan.

Dalam keseluruhan, FSR komited untuk menyediakan pengajaran dan pembelajaran yang relevan, inovatif, dan berkesan. Melalui analisis keperluan yang teliti, pengembangan kurikulum yang cemerlang, kaedah pengajaran yang pelbagai, pemanfaatan teknologi pendidikan, serta pemantauan berterusan, kami berusaha memberi impak positif kepada pelajar dan memastikan persediaan mereka dalam menghadapi cabaran sebenar dunia sains sukan dan rekreasi.

SENARAI BUKTI :

1. [F0047_O01_OB03_20241_PERLUASAN.pdf](#)
2. [F0047_O01_OB03_20242_PANDUAN PENSYARAH BAGI PROSEDUR URUSAN SELEPAS PENTAKSIRAN AKHIR 20224, FAKULTI SAINS SUKAN DAN REKREASI.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan dan Penilaian Berterusan merupakan komponen penting dalam memastikan pengajaran dan pembelajaran yang efektif di Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (FSR). Pemantauan dan Penilaian berterusan ini di laksanakan melalui Entrance-Exit Survey, SUFO dan PROPENS pada setiap semester kalendar akademik. Kami mengambil langkah-langkah berterusan untuk memantau dan menilai keseluruhan proses pembelajaran, dengan tujuan menjaga kualiti serta merangsang peningkatan berterusan.

Maklum balas yang diperolehi dari pelajar dan pensyarah adalah elemen utama dalam usaha kami untuk menyempurnakan pengalaman pembelajaran. Kami memahami bahawa maklum balas ini merupakan sumber berharga yang membolehkan kami memahami keperluan dan harapan pelajar, serta melihat segi-segi yang perlu diperbaiki. Setiap komen, cadangan, dan pandangan diambil kira secara teliti untuk memastikan pendekatan yang sesuai dapat diambil.

Dengan berdasarkan maklum balas ini, kami melaksanakan tindakan-tindakan yang sesuai. Ini termasuk peningkatan dalam penyampaian bahan pengajaran, pengoptimuman penggunaan kaedah pengajaran inovatif, dan pemerksaan pensyarah untuk memberikan yang terbaik. Tindakan ini diambil dengan tujuan untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar, memenuhi keperluan industri, dan mengekalkan relevansi dalam kurikulum.

Setiap insiden yang memerlukan tindakan korektif juga ditangani dengan serius. Kami tidak hanya mengambil tindakan sewajarnya untuk menangani isu-isu tersebut, tetapi kami juga melihat ia sebagai peluang untuk merumuskan peningkatan berterusan. Dengan mengubah cabaran menjadi peluang, kami mampu memperbaiki dan memperkayakan pengalaman pembelajaran bagi pelajar kami.

Secara keseluruhannya, pendekatan pemantauan dan penilaian berterusan di FSR adalah suatu usaha yang berterusan untuk memberikan pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti. Maklum balas, tindakan korektif, dan pengambilan tindakan peningkatan adalah asas bagi komitmen FSR untuk memberikan pengalaman pendidikan yang terbaik kepada pelajar.

SENARAI BUKTI:

1. [F0047_O01_OB04_OC01_20241_SuFO - 20232.pdf](#)
2. [F0047_O01_OB04_OC01_20242_PRO-PENS 20234.pdf](#)
3. [F0047_O01_OB04_OC01_20243_PEMANTAUAN ENTRANCE-EXIT SURVEY.pdf](#)
- 4.
- 5.

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Walaupun FSR berazam untuk menyediakan pendidikan berkualiti melalui pelbagai langkah proaktif, adalah penting untuk mengakui risiko-risiko potensi yang mungkin mempengaruhi pelaksanaan lancar strategi-strategi ini. Berikut adalah beberapa risiko yang dikenal pasti beserta pertimbangannya:

1. **Ketidaksepadanan dengan Perkembangan Industri:** Ketika FSR menyelaraskan kurikulumnya dengan tren dan keperluan yang dinamik dalam industri sukan dan rekreasi, terdapat risiko ketidaksepadanan dengan perubahan-perubahan yang cepat dalam permintaan industri. Bagi meredakan risiko ini, FSR perlu membentuk mekanisme untuk mengemas kini kandungan kurikulum secara berkala agar selaras dengan perkembangan industri yang terkini.
2. **Rintangan Terhadap Kaedah Pengajaran Inovatif:** Pengenalan kaedah pengajaran inovatif seperti integrasi teknologi dan pembelajaran berdasarkan pengalaman mungkin menghadapi tentangan dari pihak yang lebih tradisional, sama ada dari kalangan pensyarah mahupun pelajar. Untuk mengatasi risiko ini, komunikasi dan latihan yang berkesan diperlukan bagi memastikan pemahaman dan penerimaan terhadap kaedah-kaedah ini, serta untuk membina persekitaran pembelajaran yang positif.
3. **Cabaran Teknologi:** Kebergantungan kepada teknologi untuk pembelajaran dalam talian dan sumber-sumber digital mungkin menghadapi masalah teknikal, seperti masalah sambungan, kegagalan sistem, atau kurangnya literasi digital di kalangan pelajar. FSR harus menyediakan sokongan teknikal yang kukuh dan latihan kepada pelajar dan pensyarah untuk meredakan cabaran-cabaran ini secara berkesan.
4. **Kawalan Kualiti dalam Pembelajaran Dalam Talian:** Sementara menerima platform pembelajaran dalam talian, memastikan kualiti yang konsisten dalam pelbagai kursus dalam talian mungkin mencabar. FSR harus mewujudkan panduan yang jelas untuk reka bentuk kursus dalam talian, penyampaian kandungan, dan penilaian untuk mengekalkan tahap keunggulan yang sama seperti kaedah tradisional.

Dengan mengenal pasti risiko-risiko potensi ini dan mengimplementasikan strategi pengurusan risiko yang sesuai, FSR dapat mengendalikan cabaran dengan berkesan dan terus menyediakan pendidikan berkualiti yang sejajar dengan keperluan industri serta perkembangan pendidikan yang sentiasa berubah.

SENARAI BUKTI :

1. [F0047_O01_OB04_OC02_20241_Kenalpasti risiko P&P melalui laporan CDL-CQI \(Petikan Minit 1\).pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Tindakan mengkaji semula dan penambahbaikan risiko di atas adalah langkah penting yang perlu diambil oleh Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (FSR) untuk memastikan pelaksanaan yang berjaya dan berkesan terhadap strategi pengajaran dan pembelajaran yang telah dirangka. Berikut adalah beberapa tindakan yang boleh diambil oleh FSR untuk menguruskan risiko-risiko yang telah dikenal pasti:

1. **Pemantauan Berkala:** FSR menjalankan penilaian berkala terhadap penyelarasan kurikulum dengan tren industri terkini. Ini melibatkan mengkaji semula kandungan kurikulum, membandingkannya dengan keperluan industri, dan mengenal pasti sebarang jurang atau kekurangan. Pemantauan ini harus dilakukan dengan kerap agar FSR dapat mengesan perubahan-perubahan dalam industri dan merespon dengan cepat.
2. **Komunikasi dan Penyuluhan:** Untuk mengatasi rintangan terhadap kaedah pengajaran inovatif, FSR menjalankan program komunikasi kepada pensyarah dan pelajar. Ini boleh berupa bengkel, sesi dialog, atau pelatihan khas yang menggariskan manfaat serta kepentingan pengenalan kaedah inovatif dalam meningkatkan pengalaman pembelajaran.
3. **Sokongan Teknikal dan Pemantauan:** FSR menyediakan sokongan teknikal yang kukuh kepada pelajar dan pensyarah dalam menggunakan teknologi pendidikan. Pusat bantuan teknikal perlu diwujudkan untuk menangani masalah teknikal yang timbul. Selain itu, pemantauan berkala terhadap penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu mengesan masalah dan memberi tindakan segera.
4. **Pengukuran Kualiti dan Penambahbaikan Berterusan:** FSR mengembangkan penilaian kualiti yang menyeluruh bagi kursus dalam talian. Ini boleh merangkumi tinjauan pelajar, penilaian pensyarah, dan analisis prestasi pelajar. Maklum balas ini perlu menjadi asas untuk penambahbaikan berterusan dalam reka bentuk kursus, penyampaian kandungan, dan kaedah penilaian.
5. **Penglibatan Pihak Berkepentingan:** FSR melibatkan pihak berkepentingan seperti pakar industri, pensyarah, dan pelajar dalam proses mengkaji semula dan penambahbaikan. Pemahaman dan pandangan daripada pelbagai perspektif akan membantu FSR membuat keputusan yang lebih berinformasi dan efektif.

Dengan pelaksanaan tindakan-tindakan ini, FSR akan dapat menguruskan risiko-risiko yang berkaitan dengan penyelarasan kurikulum, pengenalan kaedah inovatif, teknologi pendidikan, dan kawalan kualiti dalam pembelajaran dalam talian. Penekanan pada pemantauan, komunikasi, sokongan teknikal, pengukuran kualiti, dan penglibatan pihak berkepentingan akan memastikan bahawa FSR terus membaiki dan menyempurnakan pengajaran dan pembelajaran dalam menghadapi cabaran industri dan perkembangan pendidikan yang dinamik. Dengan demikian, FSR akan terus menyediakan pendidikan berkualiti yang relevan dan berkualiti tinggi kepada pelajar.

SENARAI BUKTI :

1. [F0047_O01_OB04_OC03_20241_Tindakan penambahbaikan isu P&P melalui laporan CDL-CQI \(Petikan Minit 1\).pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kecemerlangan PdP FSR ditonjolkan melalui pelbagai lakaran pencapaian membabitkan pengoperasian objektif OBE dan penambahbaikan berterusan melalui integrasi inovasi PdP. Bagi menjamin kualiti program akademik yang ditawarkan, pembudayaan pembangunan dan pengembangan kurikulum diterjemahkan melalui integrasi di antara BHEA dan Unit kualiti FSR. FSR membudayakan amalan PdP berinovatif melalui integrasi kaedah PdP 21st century learning dan IR4.0 dimana pembudayaan Blended Learning, pengajaran kolaboratif, MOOC dan Kolaborasi strategik. FSR membudayakan inovasi PdP melalui penyertaan pensyarah dalam pertandingan nasional dan antarabangsa seperti iindex, eCondave, Innofest dan lain-lain. Pembudayaan ini memastikan pensyarah terus meningkatkan dan memperbaiki kualiti pengajaran dan penyelian.

SENARAI BUKTI :

1. [F0047_O01_OB05_20241_eCERT_GOLD - E115 \(1\).pdf](#)
2. [F0047_O01_OB05_20242_PI-39 \(1\).pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

HASIL TUMPUAN SUMBER MANUSIA

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Penglibatan pensyarah dan kakitangan sokongan FSR merupakan elemen penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. FSR mengamalkan pengagihan kerja mengikut fungsi dan unit yang disusun, serta dibahagikan secara terperinci mengikut skop tugas dan tanggungjawab. Warga kerja FSR juga merupakan nadi penggerak bagi setiap inisiatif strategik dalam mencapai PI tahunan yang telah ditetapkan. Ini telah dibuktikan dengan pengetahuan dan kepakaran pensyarah dan kakitangan sokongan yang sentiasa memacu kecemerlangan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. FSR sentiasa menjadikan perancangan strategik yang berterusan dan meningkatkan kreativiti semua pensyarah yang berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran berterusan serta meningkatkan kreativiti kakitangan sokongan melalui pelbagai program Pembangunan sumber manusia. FSR juga menyediakan ruang dan peluang kepada seluruh warga fakulti dalam mengikuti Latihan, menghadiri kursus, bengkel, seminar, penganjuran persidangan di dalam dan luar negara bagi memastikan peningkatan kepakaran dalam bidang pengajaran dan pembelajaran. Disamping meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang masing-masing. Kerjasama strategik diantara FSR dan pihak industri juga telah banyak menyumbang kepada peningkatan kualiti dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini pada akhirnya memberi manfaat kepada seluruh warga FSR.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_F0047_HB02_20241_7.1.2 TAHAP \(LEVEL\).pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_F0047_HB03_20242_7.1.3 TREND.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_F0047_HB04_20243_7.1.4 PERBANDINGAN.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_F0047_HB05_20244_7.1.5 KEPENTINGAN.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

HASIL TUMPUAN PELANGGAN

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTM sangat komited untuk memberi tumpuan kepada pelanggan berdasarkan program atau aktiviti yang melibatkan pelajar dan masyarakat. FSR sentiasa berusaha untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan. Antara inisiatif yang telah dijalankan ialah jalinan kerjasama dengan universiti dan industri dalam dan luar negara (MOU/MOA) untuk menambah penampakan pelajar dan pensyarah.

FSR) sentiasa mengutamakan kepuasan pelajar sebagai pelanggan utama fakulti. Maklum balas daripada badan-badan yang menguruskan hal akademik dan hal ehwal pelajar diproses dan diambil tindakan dengan segera. Langkah ini diambil untuk memastikan kepuasan pelanggan terpelihara dan masalah mereka dapat diselesaikan dengan baik. Selain itu, maklum balas terhadap program-program yang dianjurkan oleh pelajar diberi tumpuan dalam usaha meningkatkan mutu sistem tadbir urus.

FSR juga memberi perhatian serius terhadap maklum balas mengenai kepuasan pelajar terhadap layanan staf. Ini memberikan gambaran awal kepada pihak lain mengenai kualiti layanan tadbir urus di FSR. Sebagai contoh, proses pendaftaran pelajar baru diurus dengan mudah dan teratur. Sesi maklum balas daripada petugas pendaftaran yang mengendalikan proses tersebut dijalankan secara berhemah dan berbudi bahasa, demi menjaga kepuasan pelanggan yang merupakan aspek utama kejayaan FSR.

FSR memberi fokus kepada pembangunan pelajar yang holistik dan seimbang dalam aspek akademik dan kokurikulum, selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025). Seiring dengan Halatuju Strategik UiTM RMK 11, visi dan misi FSR adalah melahirkan pelajar yang profesional, beretika dalam pekerjaan, dan menjadi contoh teladan kepada pelajar lain, serta layak menjadi majikan.

Oleh itu, pihak yang bertanggungjawab dalam pembangunan pelajar, khususnya BHEA dan HEP akan terus berusaha merealisasikan impian ini. Penilaian kecemerlangan pelajar diambil kira melalui penglibatan mereka dalam aktiviti sukan dan pencapaian akademik. Kejayaan ini juga dapat dilihat melalui bilangan pelajar yang menerima Anugerah Naib Canselor (ANC), jumlah pelajar yang berjaya menamatkan pengajian tepat pada masanya (Graduate On Time - GOT), dan prestasi pelajar dalam QS World Ranking.

Tambahan pula, FSR amat mementingkan kepuasan pelanggan dan komited untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelajar.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_F0047_HB02_20241_7.2.2 TAHAP.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_F0047_HB03_20242_7.2.3 TREN.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_F0047_HB04_20243_7.2.4 PERBANDINGAN.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_F0047_HB05_20244_7.2.5 KEPENTINGAN.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

HASIL TUMPUAN OPERASI

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengajaran dan pembelajaran yang berkesan merupakan suatu elemen yang penting untuk menyampai dan mengembangkan ilmu pengetahuan. Pengajaran berkesan dilihat sebagai suatu proses penyampaian maklumat dan memberikan pengalaman yang akan mengubah tingkah laku seseorang pelajar secara kekal. Perubahan tingkah laku seseorang pelajar dapat dilihat dari segi kefahaman dan kemahiran yang mereka perolehi semasa sesi pengajaran berlaku atau pun semasa membuat tugas yang diberikan oleh pensyarah. FSR telah mengambil pendekatan yang amat bersepadu dan progresif terhadap aspek pengajaran dan pembelajaran dalam usahanya untuk menghasilkan graduan yang berdaya saing dan berintegriti. FSR dengan tegas menitikberatkan aspek pengajaran dan pembelajaran yang holistik, yang bermakna tidak hanya memberi tumpuan kepada pemindahan pengetahuan semata-mata, tetapi juga kepada pembangunan keseluruhan individu dalam pelbagai aspek kehidupan.

Penting untuk difahami bahawa pendekatan holistik dalam konteks pendidikan bukan sekadar berkaitan dengan akademik semata, tetapi juga merangkumi perkembangan fizikal, mental, sosial, dan profesional pelajar. FSR memahami bahawa pengajaran dan pembelajaran tidak hanya berkaitan dengan elemen teknikal, tetapi juga melibatkan kesedaran akan kesihatan, kecergasan fizikal, kesejahteraan mental, interaksi sosial yang sihat, dan perkembangan diri secara menyeluruh. Oleh itu, FSR berusaha untuk menyediakan persekitaran pembelajaran yang memupuk perkembangan seimbang dalam semua aspek ini. Pelbagai kesan positif dan kejayaan yang berjaya di perolehi FSR hasil daripada operasi pengajaran dan pembelajaran yang efektif dan berkesan.

Justeru itu, penambahbaikan kualiti berterusan (Continuous Quality Improvement CQI) adalah penting dalam peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Dapatan dari proses CQI digunakan untuk membantu organisasi membuat analisa sistematik keberkesanan sistem, tindakan pembetulan dan penambahbaikan berdasarkan fakta dan dapatan dari pemegang taruh. Proses audit yang menyeluruh melibatkan analisa pengendalian dan pelaksanaan program secara dalaman dikukuhkan dengan dapatan dari analisa maklumbalas pelajar dan pihak industri.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_F0047_HB02_20241_7.3.2 TAHAP.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_F0047_HB03_20242_7.3.3 TREN.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_F0047_HB04_20243_7.3.4 PERBANDINGAN.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_F0047_HB05_20244_7.3.5 KEPENTINGAN.pdf](#)

